


Jilid II
Bil. 4



Hari Khamis
29hb April, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 289]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 319]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

„ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).

„ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).

„ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik)

„ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).

„ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik)

„ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

„ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T. J.P. (Negeri Sembilan).

„ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka)

„ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).

„ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

„ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

„ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

„ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).

Yang Berhormat DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Khamis, 29hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

SENJATAPI DIGUNAKAN
DI BANK-BANK

1. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian ini bagi mengurang atau menghapuskan kejadian-kejadian menyamun, merompak dan mencuri dengan menggunakan senjatapi khasnya di bank-bank.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu perkara yang menyulitkan tugas-tugas kita untuk mengamankan keadaan kejadian-kejadian menyamun dan merompak ini ialah kekurangan tenaga daripada pihak Polis, itu kesusahan yang pertama. Kalau saya ceritakan kekurangan tenaga ini boleh dikatakan satu perkara yang sungguh boleh menarik perhatian kita. Umpamanya, di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, bilangan anggota Polis kalau dibandingkan dengan rakyat di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya iaitu 1.1 juta rakyat, tetapi pihak Polis yang menjaga keamanan tidak lebih daripada 300 orang pada satu-satu saat bertugas. Umpamanya di Kedah dan Perlis dicantumkan sekali tidak lebih daripada 250 orang Polis pada satu-satu saat menjaga keamanan. Ini menunjukkan bahawa kita sungguh kekurangan tenaga. Kalau pada tahun 1960 kita mempunyai lebih daripada 100,000 orang Polis, pada tahun 1969 kita turunkan kepada 31,000 orang. Pada masa ini kita mempunyai lebih kurang 42,000 sahaja. Tetapi sesudah kita mengkaji

semula, maka sekarang Kerajaan telah ber-setuju bahawa bagi pihak Kementerian ini boleh memperbesarkan lagi anggota Polis; ditambahkan dengan angka lebih kurang 21,000 lagi. Maknanya, dapatlah kita mengatasi masalah itu dari segi tenaga. Tetapi kalau segi tenaga sahaja bukanlah jawapannya. Yang paling penting kita berkehendakkan berbagai kuasa daripada undang-undang. Bahkan sebagai langkah ke arah mengurangkan kejadian-kejadian jenayah kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat tahu Kerajaan telah menguatkuasakan antara lainnya Akta Senjatapi No. 21/1960, Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) No. 37/1961 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri No. 82/1960 (Pindaan 1972) iaitu Akta-akta yang boleh kalau sekiranya kita tangkap dan sabit kesalahannya boleh dihukum sepaling beratnya oleh mahkamah.

Di samping itu, pihak Polis juga telah menubuhkan satu yunit dikatakan Yunit Tindakhas, khusus untuk membenters kes-kes rompakan dan jenayah lain. Dalam rancangan pembesaran Pasukan Polis telah pun ditubuhkan Bahagian Perisikan dan Perancangan di bawah Jabatan Siasatan Jenayah di semua Kontinjen Polis Negeri untuk mengkaji dan mengamalkan cara yang berkesan bagi mencegah dan membasmi kegiatan-kegiatan jenayah pada keseluruhannya dan juga pihak Polis mempunyai beberapa rancangan. Satu daripadanya iaitu berhubung terus dengan pihak-pihak bank di dalam hal ini dan boleh membuat bermacam-macam rancangan dengan bank. Nampaknya kerjasama dengan bank ini adalah memuaskan, kerana kalau saya ingatkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa wang di dalam bank itu semua ada insuran. Oleh itu, wang itu tidak hilang. Itulah sebabnya kadangkang digunakan orang tua-tua sahaja sebagai guard tetapi keadaan ini telah diubah sekarang. Ada bank yang sanggup

umpamanya kita letakkan kamera dan cara-cara moden supaya kalau ada kejadian macam ini dapatlah lekas kita tangkap atau dibunyikan semboyan terus kepada pihak Polis. Dan semua ini sedang dijalankan, yang kita sangat gembira pada masa ini iaitu kita mendapat banyak sokongan daripada orang ramai yang lekas memberitahu kepada kita kalau ada apa-apa kejadian jenayah atau kalau ada komplot-komplot yang hendak menjalankan jenayah.

Umpamanya, kalau saya sebutkan cerita kumpulan yang baru-baru ini di Petaling Jaya yang mana dapat diamankan iaitu datangnya daripada orang ramai memberitahu kepada pihak Polis di mana penjenayah-penjenayah itu dan dengan adanya Sekim Rukun Tetangga dan juga RELA di setengah-setengah tempat diharap ini boleh mengurangkan lagi penjenayah-penjenayah atau perompak di dalam negara kita. Dalam lawatan saya baru-baru ini ke Kelantan, saya dapat khabar statistik di sana sesudahnya beberapa tangkapan di Kota Bharu jenayah telah turun lebih kurang 35% dan orang Kota Bharu, Kelantan sekarang sudah berani keluar malam main macuk.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar bahawa jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tentang usaha yang telah dilakukan oleh pihak Polis bagi mencegah kejadian-kejadian menyamun dan seperti yang kita tahu kita patut memberi tahniah yang setingginya kepada pihak Polis yang telah mendapat kerjasama daripada orang ramai bagi menghapuskan jenayah sedikit demi sedikit, walaupun jumlah pegawai Polis sepertimana yang disebutkan ini tidak seimbang dengan jumlah penduduk yang besar. Tetapi, kerja yang mesti dibuat oleh rakyat ialah kerjasama dengan Polis. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri selain daripada menambah anggota Polis biasa, Polis simpanan, Polis sukarela, Rukun Tetangga dan sebagainya. Adakah pihak Kementerian ini bercadang hendak membuat satu sekim kerjasama yang lebih erat dengan dipelupuri oleh pihak Polis terhadap orang ramai dengan mengadakan kursus-kursus sivik yang secara langsung oleh pihak Polis kepada orang ramai menggembarakan betapa pentingnya kerjasama yang mesti dibuat oleh rakyat kepada pihak Polis. Kalau sekiranya rancangan ini ada, saya

rasa rancangan ini akan lebih mendatangkan menafaat kepada keselamatan di dalam daerah yang diduduki oleh Polis itu sendiri. Jadi, saya hendak bertanya adakah rancangan ini sedang ditimbangkan atau akan ditimbangkan supaya hubungan yang lebih erat di antara pihak Polis secara langsung dengan rakyat dapat diwujudkan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya Polis berusaha sangat untuk merapatkan lagi kerjasama polis dengan rakyat dan satu daripada rancangan yang sentiasa difikirkan dengan cara aktif oleh Polis iaitu bagaimana kita dapat menyalurkan kerjasama ini lewat atau melalui Rukun Tetangga kita dengan menggunakan demonstrasi atau kursus-kursus sivik, tetapi menggunakan saluran yang ada Rukun Tetangga, kerana inilah satu daripada alat yang kita rasa bahawa alat yang paling penting. Yang lagi satu yang ada dalam rancangan pihak Polis iaitu kita suka hendak meletakkan, kalau bertambah lagi anggotanya, pada tiap-tiap sesebuah kampung atau sekumpulan atau block (flat) seorang Polis yang duduk di situ macam orang biasa, tetapi bekerjasama dengan rakyat dengan beberapa lapangan, baik di dalam pembangunan atau dalam menjaga keamanan tetapi duduk bersama-sama di kampung atau di dalam satu block (flat). Dengan cara ini dia dapat berhubung terus dan orang boleh dapat mengadakan hal kepada dia tidak payah lagi dia sendiri berkayoh basikal pergi ke Police Station, tetapi kalau ada seorang yang ditugaskan satu-satu block itu, ini barangkali boleh menambahkan lagi mutu kerjasama antara rakyat dengan polis.

Tuan Syed Omar bin Syed Hussain: Soalan tambahan. Saya kemukakan mengenai rompak dan samun yang kerap berlaku di bank-bank. Adakah pihak Yang Berhormat Menteri mencadangkan untuk memberi nasihat kepada bank-bank ini bagi penjaga-penjaganya menggunakan senjata automatik supaya lebih memberi kesan daripada keadaan sekarang dan mengadakan safeguard atau guni-guni pasir bagi mempertahankan diri di masa rompak-samun berlaku.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa detail operasi ini tidak payahlah saya menceritakan, tetapi ada beberapa cadangan atau

rancangan yang dibuat untuk mengurangkan lagi rompak di dalam bank.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan iaitu oleh kerana bank-bank dirompak dan menggalakan orang merompak sebab ada insuran. Apabila perompak ini masuk dia tidak melawan. Jadi, adakah cadangan Yang Berhormat Menteri syarikat insuran ini adalah bertanggungjawab mempertahankannya, sebab duit dalam bank itu boleh dikatakan sekarang ini semuanya diinsurankan. Apabila dirompak, angkat tangan, wang diambil, sebab akan dibayar oleh insuran. Jadi adakah syarikat insuran ini bertanggungjawab di atas duit dia sendiri dengan apa cara sekalipun.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sebagaimana yang saya katakan tadi di dalam perbincangan dengan bank tidaklah terkeluar di dalam perbincangan itu berkenaan dengan kompeni-kompeni insuran. Jadi, apakah langkah yang diambil oleh kompeni-kompeni insuran itu difikirkan bersama-sama dengan bank.

Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi saya telah puas hati dan mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih. Tetapi saya hendak tanya satu sahaja berkenaan dengan hendak menambah polis 20,000 lagi itu berapa lamakah lagi, berapa tahun lagi akan ditambah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ucapan Yang Berhormat. Dimaksudkan secepat mungkin kita boleh tambah, tetapi soalnya kerana hendak menambahkan polis ini hendakkan rekrut, bila-bila masa kita boleh rekrut, menarik orang masuk tetapi yang payahnya, satu polis tidak ada gunanya kalau tidak ada pegawai. Recruitment itu termasuk melatih pegawai dan melatih pegawai ini memakan masa. Dan juga tempat lapang, tempat kita hendak melatih; masa ini kita hanya ada satu depot sahaja tempat kita melatih. Kita terpaksa membuka tanah tempat lain untuk membuat tapak latihan yang kita harap Kerajaan-kerajaan Negeri dapat membantu saya, kalau saya minta di tempat-tempat lain di dalam

negeri untuk diadakan tempat latihan. Lagi cepat kita buat tempat latihan ini dapatlah lekas kita ambil rekrut. Dalam rancangan yang kita hendak buat itu, saya rasa akan memakan masa sekurang-kurangnya tiga tahun. Sungguhpun di dalam rancangan itu dia kata buat dalam 5 tahun, tetapi saya kata saya tidak sabar, saya mesti buat secepat-cepatnya, kalau boleh dalam masa satu tahun. Tetapi di dalam kajian itu tidaklah dapat dipendekkan lagi daripada tiga tahun.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Soalan tambahan. Tadi saya dengar daripada Yang Berhormat Menteri dia hendak ambil 21,000 rekrut. Saya sebagai Pengerusi Bekas Perajurit ingin tahu bolehkah permohonan bekas-bekas perajurit diutamakan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah menjadi dasar kepada kita mengambil bekas-bekas perajurit sekiranya umurnya termasuk di dalam lengkongan dan juga kelulusan sekolah termasuk di dalam lengkongan yang boleh diterima.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Berapa banyak?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya tak ingat, tetapi saya rasa memang sudah banyak kita ambil pada masa ini, memang sudah menjadi satu dasar kita mengambil bekas-bekas perajurit ini.

Datuk J. E. S. Crawford: Soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik mengatakan bila orang rompak bank, pihak bank surrender. Waktu saya menjadi Pengurus Besar dahulu saya bawa duit, kalau ada orang bawa senapang dekat saya tentu saya angkat tangan ke atas. Sebab dua tiga orang datang dalam bank. Saya ingat pihak bank bukan takut tetapi banyak orang datang.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Datuk J. E. S. Crawford: Soalan saya, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, pada tahun 1950 ada gang robbery, walaupun ada patrol. Sekarang kita ada kereta peronda. Boleh ditambah lagi kereta

peronda bersama dengan anjing dan mata-mata yang bawa senjata automatik supaya gangster tidak tahu yang kereta ini datang, barangkali boleh tangkap dia. Itu sahaja.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak beli kereta bolehlah, tetapi dereber tak ada. Pada tahun 1950 kita ada 170,000 polis, sekarang kita ada 41,000 sahaja. Siapa yang hendak bawa motokar ini. Jadi sekarang ini ada unit tindakan khas yang saya katakan tadi iaitu mereka meronda yang kita tidak nampak. Itu ada dibuat sekarang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kemukakan soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan kurang tenaga, dalam masalah ini Polis kita ada seramai 42,000 orang, dan yang berumur 45 tahun ke atas ada lebih ramai. Jadi, dengan sebab itu terbitlah kurang tenaga. Adakah Kementerian ini akan mengkaji semula bahawa anggota Polis kita yang berumur 45 tahun itu layaklah dibersarakan supaya tenaga anggota Polis kita ini gagah seperti anggota pasukan keselamatan yang lain.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, di tempat Yang Berhormat, Negeri Johor 80% anggota Polis ini umurnya ke atas daripada 45 tahun. Tetapi di situlah tempat yang paling baik di dalam rekod kita untuk membasmi penjenayah. Jadi, soal ini bukan soal umur, soal bilangan, kerana di dalam pasukan Polis bukan ia berkehendakkan berlari sampai terjelir lidah dan sebagainya tetapi bagaimana boleh menggunakan akal fikiran dengan kepintaran dan pengalaman untuk mencegah jenayah.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita telah mendengar berbagai-bagai jawapan diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu oleh kerana kes-kes menyamun begitu banyak berlaku dalam negeri kita, adakah apa-apa rancangan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kita untuk menyuruh bank-bank kita mengadakan alat-alat "hidden cameras", sebagaimana yang digunakan di negeri-negeri barat yang telah maju, di mana kita boleh berjaya menangkap orang-orang yang menyamun atau bagi

mendapatkan keterangan yang lebih disebabkan sekarang kita tidak boleh menangkap orang-orang yang menyamun, dan orang pun takut tampil ke hadapan untuk memberi information

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Menteri sudah sebut, ada camera di dalam bank. Ahli Yang Berhormat tidak dengarkah?

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf.

RANCANGAN PENEMPATAN SEMULA DI SARAWAK

2. Tuan Joseph Unting anak Umang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang masalah yang dihadapi oleh orang-orang Iban di Sarawak kerana penempatan semula mereka untuk Pasukan Keselamatan menghapuskan pengganas komunis.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan penempatan semula (resettlement) yang telah dilaksanakan di negeri Sarawak untuk mengelakkan penduduk pendalaman dari ancaman pengganas komunis adalah terletak di dalam kawasan RASCOM. Rancangan-rancangan ini adalah seperti berikut:

- (i) Nanga Sekuau
- (ii) Nanga Ngungun
- (iii) Nanga Tada
- (iv) Nanga Jagau
- (v) Nanga Dap
- (vi) Rantau Panjang

Sehingga ini hanya rancangan jangka panjang untuk penempatan di Nanga Sekuau sahaja yang telah diluluskan dan kerja-kerja sedang berjalan. Untuk rancangan di Nanga Ngungun, Nanga Tada dan Nanga Jagau, Kerajaan pada asalnya ada cadangan untuk membuka kawasan-kawasan pertanian. Kajian ke atas tanah di ketiga-tiga kawasan ini baharu sahaja selesai dijalankan dan didapati kawasan-kawasan di sini tidak sesuai untuk rancangan pertanian secara besar-besaran. Ini telah menimbulkan masalah bagaimanakah kesulitan untuk mendapatkan tanah yang sesuai boleh di atasi. Satu daripada caranya ialah dengan memindahkan penduduk-penduduk di ketiga-tiga rancangan ini ke kawasan yang lain

tetapi beberapa kesulitan di segi politik ekonomi dan sosial saya rasa mungkin akan timbul, dan perkara ini terpaksa kita kaji sedalam-dalamnya supaya jangan rosak masyarakat.

Walau bagaimanapun, penduduk di sini ada mengusahakan tanaman lada hitam, kacang tanah, sayur-sayuran, jagung, ubi kayu dan juga pemeliharaan ternak ikan air tawar tetapi secara kecil-kecilan. Selain daripada itu, Kerajaan telah juga mengadakan projek bekalan air, padang permainan, kelinik perubatan dan juga penempatan pegawai-pegawai dari Kumpulan Tindakan Sivik (Civic Action Group) iaitu daripada RASCOM untuk memberi nasihat dan pertolongan kepada penduduk-penduduk di situ.

Di Nanga Dap dan Rantau Panjang tidak ada cadangan untuk memindahkan penduduk-penduduk di situ ke tempat yang lain kerana mereka boleh mencari penghidupan harian di ladang mereka yang asal dan ancaman pun kurang. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memberi perkakas-perkakas untuk mendirikan rumah, benih sayur-sayuran, kacang tanah umpamanya dan juga anak-anak ikan air tawar untuk dipelihara. Seperti di rancangan yang lain pasukan Kumpulan Tindakan Sivik (Civic Action Group) juga ditempatkan di sana.

Kerajaan sedar di atas kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di keenam-enam rancangan ini tetapi tindakan untuk mengatasi kesulitan ini bukan sahaja berkehendakkan kajian yang teliti dan perbelanjaan yang banyak tetapi juga masa yang panjang untuk menjayakannya.

Tuan Joseph Unting anak Umang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk memberi penjelasan sedikit berkenaan dengan orang Iban di Nanga Jagau, Nanga Ngungun dan Nanga Tada. Selama tiga tahun rumah mereka yang atapnya daun serta tiangnya kayu sudah dalam keadaan buruk. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mencadangkan untuk membuat rumah yang lebih baik daripada dahulu supaya mereka senang hati tinggal di tempat tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, memang benar seperti apa yang dikatakan oleh Yang Ber-

hormat itu, dan Kementerian ini akan mengambil pandangan yang berat berkenaan dengan problem ini.

SOPAN-SANTUN KAKITANGAN HOSPITAL

3. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian pernah menganjurkan kursus-kursus bagi Doktor-doktor, jururawat-jururawat dan kakitangan hospital mengenai tugas-tugas mereka terhadap awam, kerana ada doktor-doktor dan lain-lain kakitangan hospital yang kasar bahasa terhadap orang-orang yang membawa pesakit-pesakit.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, latihan dalam perhubungan awam dan pendekatan yang betul terhadap pesakit-pesakit dan orang ramai, memang dititikberatkan dalam program latihan untuk doktor-doktor, pekerja-pekerja para-medical dan auxiliary dan menjadi sebahagian daripada program itu. Oleh yang demikian, kursus khas dalam perhubungan awam sahaja, difikirkan tidak perlu. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan ada mengingatkan pegawai-pegawainya dari masa ke semasa samada dalam upacara penyampaian sijil, di mesyuarat-mesyuarat, di perjumpaan-perjumpaan atau melalui kempen sopan-santun, agar mereka sentiasa bersopan-santun terhadap pesakit-pesakit dan orang ramai.

Kalau sekiranya terdapat kekasaran di kalangan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan, perkara ini hendaklah dilaporkan kepada pegawai yang menjaga institusi-institusi tersebut supaya tindakan dapat diambil. Tetapi supaya berlaku adil terhadap pegawai-pegawai saya, yang berjumlah lebih dari 50 ribu orang, saya mesti menyatakan bahawa sebahagian besar dari mereka menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh rasa tanggungjawab dan dedikasi.

Datuk Mansor bin Mohamad: Saya ingin mengetahui kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan setakat ini telah berapa orangkah pegawai-pegawai yang telah diambil tindakan yang berkaitan dengan layanan kasar terhadap pesakit ataupun orang yang datang meminta ubat.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tidak dapat saya mengatakan berapa orang yang telah diambil tindakan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekarang apabila seorang pesakit berada di hospital dan keluarganya datang melawat, perasaan pesakit itu seperti di dalam Balai Polis, dia takut apabila berjumpa dengan doktor. Di negeri-negeri barat dan negeri yang maju doktor-doktor rapat dengan pesakit, mereka mempunyai attitude yang sangat baik (friendly attitude). Ini memberi psychological feeling kepada pesakit. Di sini keadaannya sangat berlainan. Adakah apa-apa rancangan daripada Kementerian Kesihatan untuk merapatkan perhubungan orang-orang sakit dan keluarga-keluarga pesakit dengan doktor serta jururawat-jururawat supaya merapatkan perasaan dan jangan bimbang dan takut. Kita mesti percaya serta menaruh harapan kepada doktor.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jawab di dalam jawapan saya tadi ini memang menjadi kewajipan dan dasar bagi Kementerian saya untuk memberi nasihat dan memberi galakan supaya doktor-doktor dan pegawai-pegawai hospital itu berlaku sopan santun dengan pesakit dan orang ramai.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan kepada Timbalan Menteri, apakah jenis tindakan diambil ke atas mereka yang melakukan kesalahan setelah Menteri memberi nasihat, dan sepanjang yang saya ketahui hanya menukarkan mereka tetapi pegawai yang ditukarkan ke tempat lain itu melakukan pula kekerasan yang demikian juga. Jadi saya ingin tahu apakah tindakan yang lebih berkesan dilakukan sekarang yang akan diambil tindakan oleh Timbalan Menteri?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi satu punishment yang berat kepada seseorang pegawai yang melakukan kekasaran, saya rasa amatlah tidak adil. Maka itulah yang dapat dibuat untuk memperingatkan pegawai yang melakukan kesalahan itu dengan ditukar ke

tempat lain daripada tempat yang dia bertugas. Moga-moga dengan itu dia akan insaf dan kita berharap kepada keinsafan pegawai-pegawai itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan Kementerian ini mencari jalan dan ikhtiar atau langkah supaya mendekati pegawai-pegawai di hospital dengan orang ramai dan juga kakitangan hospital itu supaya bersopan santun. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan, dapatkah langkah yang kedua dibuat iaitu semua sekali kakitangan wanita di hospital itu samada doktor atau jururawat supaya ditukarkan memakai seluar bagaimana yang telah dibuat oleh setengah-setengah negara Islam dan ini juga satu faktor yang boleh menunjukkan sopan santun pegawai-pegawai kita.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah akan difikirkan diwaktu dan masa atas kepentingan itu.

PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM PERINDUSTRIAN

4. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada benar bahawa tujuan Kerajaan untuk mempunyai 30% kaum Bumiputra mengambil bahagian dalam perniagaan dan perusahaan dalam negara ini akan mengambil masa yang agak lama sebelum ianya tercapai dan jika ya, nyatakan tindakan-tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan untuk mempercepatkan objektif ini dalam tempoh yang dijangkakan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan Kerajaan memberi masa hingga tahun 1990 untuk pencapaian matlamat sekurang-kurangnya 30% penyertaan kaum Bumiputra di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan dan dengan itu masa yang akan diambil untuk mencapai matlamat itu adalah agak lama juga. Bagi menentukan bahawa usaha-usaha itu akan dapat dicapai dengan sepenuh-penuhnya. Seluruh jentera Kerajaan baik diperingkat Pusat dan Negeri, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan dan juga agensi yang ditubuhkan adalah turut terlibat di dalam pelaksanaan

dasar ini. Sambil itu peranan daripada bumiputra perseorangan adalah juga penting untuk membantu pencapaian matlamat ini.

Untuk menentukan penyertaan Bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ke matlamat sekurang-kurangnya 30% penyertaan itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang menjalankan berbagai usaha dan tindakan yang tertentu. Di antara langkah-langkah yang berkenaan ialah:

- (i) Menggalakan kaum bumiputra untuk menceburkan diri dengan lebih giat dan aktif lagi dalam semua lapangan perniagaan, misalnya, di lapangan perniagaan runcit, perniagaan pengedaran dan perniagaan impot ekspot dan lain-lain lagi. Sementara itu Kementerian ini juga cuba menggalakan kaum Bumiputra untuk memasuki lapangan-lapangan perniagaan yang mana pada masa-masa yang lalu tiada bumiputra memasukinya, misalnya, di lapangan perniagaan jentera-jentera berat dan perniagaan yang mempunyai "turn-over" yang agak perlahan;
- (ii) Kementerian ini juga mengenakan syarat-syarat yang tertentu terhadap projek-projek perindustrian yang diluluskan bagi menentukan bahawa matlamat Kerajaan untuk sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputra akan dapat dicapai. Syarat-syarat tersebut adalah:
 - (a) Menghendaki projek-projek perindustrian mengkhaskan daripada modal untuk dimiliki oleh bumiputra;
 - (b) Perlantikan pengedar-pengedar bagi memasarkan keluaran kilang yang berkenaan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian;
 - (c) Di mana yang sesuai, kilang-kilang yang berkenaan dikehendaki menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan perakaunan, dan perkhidmatan undang-undang daripada syarikat-syarikat bumiputra;
 - (d) Di bidang pekerjaan pula, kilang-kilang yang berkenaan adalah dikehendaki untuk mengambil pe-

kerja-pekerja bumiputra di semua bidang pekerjaan yang dapat mencerminkan kedudukan kaum di negara ini.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai 30% penyertaan bumiputra dalam perusahaan dan perdagangan mengikut rancangan Kerajaan itu, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian yang berkenaan sehingga setakat ini apakah bahagian yang maju sekali bumiputra telah merebut peluang itu dan di negeri atau bandar mana yang bumiputra telah hampir mencapai kepada matlamat 30% itu?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat itu memerlukan keterangan yang lanjut dan juga perkara yang dibangkitkan itu adalah perkara yang tertentu yang mana memerlukan masa bagi saya untuk memberi jawapan. Tetapi bagi makluman Ahli Yang Berhormat bahawa apa yang telah dapat dicapai setakat ini adalah menggalakkan dan memberi keyakinan kepada kita bahawa di dalam kita menghadapi beberapa tahun yang akan datang sebelum dasar itu tercapai atau terlaksana sepenuhnya bahawa kejayaan akan dapat kita cipta. Saya memberi contoh sahaja dari segi hakmilik saham yang telahpun dimiliki oleh bumiputra pada hari ini daripada jumlah pelaburan yang telahpun terlaksana sehingga berakhirnya tahun 1975 yang lalu iaitu daripada jumlah lebih kurang \$1,700 juta pelaburan yang telah dibelanjakan di dalam perindustrian, bumiputra telahpun memiliki atau membeli kira-kira \$239 juta. Ini menunjukkan peratusan sebanyak 15.7% daripada jumlah pelaburan yang telah dilaksanakan iaitu sehingga pada akhir tahun 1975, itu di dalam bidang pemilikan saham sahaja.

Di dalam bidang-bidang yang lain pula kita dapati bahawa peratus penyertaan bumiputra itu telahpun ada dengan baiknya, ada yang telah terlaksana dengan baik, ada yang masih belum lagi memuaskan dan ada yang masih kurang baik lagi. Jadi kita akan terus berusaha untuk menentukan mana yang baik dikekalkan, yang belum baik akan diperbaiki dan dipertingkatkan lagi usaha bagi menentukan kejayaan kita untuk membolehkan bumiputra mencapai matlamat sekurang-kurangnya 30% penyertaan sebagaimana yang termaktub dalam Dasar Ekonomi

Baru itu dalam serba bidang perniagaan dan perusahaan yang ada itu dapat kita laksanakan. Insya Allah Ahli Yang Berhormat.

Tuan Abdul Khalid bin Haji Abdullah: Saya harap soalan tambahan saya dapat diterangkan iaitu adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai satu rekabentuk atau satu cara yang scientific atau satu cara yang kemas untuk mengaturkan supaya dengan setok ataupun keupayaan yang ada kepada bumiputra pada hari ini dan pada masa-masa akan datang kita pasti akan mencapai 30%. Soalan saya adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai satu sistem ataupun rekabentuk yang boleh dipercayai yang boleh pasti mencapai matlamat ini.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan telah pun menubuhkan satu Bahagian yang kita sebutkan Bahagian Penyertaan Bumiputra, yang menjalankan kegiatan dari segi hendak menentukan sejauh mana peranan bumiputra itu di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ini. Mana-mana kemudahan yang belum diperolehi, dicari jalan cara mana kemudahan itu juga akan dapat diadakan kepada bumiputra. Selain daripada menyediakan kemudahan-kemudahan ini, yang lebih penting lagi dari segi tugas Bahagian Penyertaan Bumiputra ini ialah untuk menentukan bahawa apa-apa sahaja kemudahan perniagaan atau perdagangan yang telah diberi kepada bumiputra itu dapat kekal atau dapat berjalan dengan sempurna dan maju dan bumiputra itu maju daripada setahun ke setahun. Di sini timbul masalah bahawa dimanakah usaha daripada Bahagian ini sendiri untuk menentukan bahawa bumiputra yang mendapat kemudahan itu bukan sahaja dapat berniaga malahan dapat maju daripada semasa ke semasa. Kita bukan sahaja melihatkan perkara ini dari segi apa yang patut kita lakukan pada hari ini tetapi juga apa yang patut kita lakukan untuk menjaga kepentingan masa depan bumiputra itu sendiri di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Pokoknya perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada di dalam tindakan daripada Kementerian ini.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa usaha-usaha yang dijalankan

oleh pihak Kementerian yang sangat baik pada hari ini tidak begitu menyeluruh ataupun tidak begitu seimbang dengan tindakan-tindakan di peringkat negeri-negeri. Maksud saya apa yang dijalankan oleh pihak Kementerian di sini tidak dituruti dengan selaras atau sepenuhnya oleh negeri-negeri. Saya berikan contohnya begini: di peringkat negeri-negeri sekarang ini masih lagi pihak-pihak yang berkenaan menjalankan mengikut di bawah peraturan-peraturan yang lama. Yakni kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan untuk menyejajarkan perkembangan perniagaan bumiputra ini tidak dijalankan. Seumpama contohnya begini: kalau peraturan lama itu berkehendakkan minta lesen untuk membuka kantin. Di peringkat negeri sekarang ini masih lagi dia menjawab: kalau orang ini hendak lesen kantin boleh diberi tetapi syaratnya mesti bertempat di belakang. Bila diminta bertempat di bahagian hadapan tidak boleh dan disaman pula. Jadi perkara ini peraturan-peraturan yang telah berpuluh tahun lamanya masih berjalan dan banyak lagi contoh-contoh yang boleh diberi jika dikehendaki. Apakah caranya supaya dapat masalah ini dihapuskan yakni perkara-perkara yang boleh menyekat kemajuan perusahaan bumiputra di dalam lapangan ini tidak tertindas.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ini memang telah lama termaklum kepada kita, dan masalah penyelarasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang telah menjadi satu soalan yang besar di mana kadang kala usaha yang hendak dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan apabila sampai ke negeri ataupun sampai ke daerah maka terdapatlah masalah-masalah yang timbul yang boleh menyekat kemajuan bumiputra di dalam bidang perniagaan dan perindustrian itu. Maka untuk menghadapi masalah ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum di negeri-negeri telahpun ditubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Penyertaan Bumiputra dan pada tiap-tiap negeri telahpun menubuhkan Jawatankuasa ini malahan di kebanyakan negeri bukan sahaja Jawatankuasa itu ditubuhkan di peringkat negeri tetapi juga di peringkat daerah. Dan dari segi hendak menyelaraskan apa yang dapat dilakukan di daerah-daerah dan juga di negeri-negeri dengan apa yang dilakukan di

peringkat Persekutuan maka satu Jawatankuasa Penyelarasan Penyertaan Bumiputra di peringkat Kebangsaan telahpun ditubuhkan yang mana Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa itu. Maka dengan tertubuhnya Jawatankuasa ini di peringkat Kebangsaan, kita harapkan segala masalah yang telah timbul pada masa-masa yang lalu dan yang mungkin timbul pada masa-masa yang akan datang dan bagi menentukan bahawa pelaksanaan daripada Dasar Ekonomi Baru ini dari segi penyertaan bumiputra itu akan dapat kita perbaiki lagi selepas ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya terima kasihlah di atas penerangan-penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi tetapi dasarnya apa yang dikatakan kemudahan-kemudahan yang telah diberi kepada bumiputra, itu dan ini, tetapi jikalau tidak ada modal, ini satu perkara yang penting juga. Jadi ada juga digalakkan bumiputra-bumiputra untuk mendapatkan modal daripada C.G.C., jikalau \$30,000 ke bawah ataupun digalakkan untuk mendapat bank guarantee dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bercakap secara melulu sahaja barangkali ditanya saya siapa dia. Maka sebelum itu saya hendak beritahu siapa dia. Ada satu orang Melayu bernama Hanif bin Ismail sudah 6 bulan lamanya pergi dari satu bank ke satu bank, memanjat satu bank ke satu bank untuk meminta guarantee sahaja kepada bank kerana hendak membuat satu projek tetapi gagal. Akhirnya dia pergi berjumpa dengan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang boleh memberi penerangan, menulis sepucuk surat kepada Menteri Kewangan atau Timbalannya, maka orang ini selepas 6 bulan gagal untuk mendapatkan wang dan tidak dapat membuat apa-apa kerja baharulah dapat guarantee sahaja daripada bank. Bolehkah atau tidak pada masa yang akan datang, perkara ini ditengokkan supaya galakan seperti ini diberi dan Kerajaan bertanggungjawab untuk menengokkan supaya bumiputra mendapat kemajuan dari perkara-perkara begini.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, dari segi masalah menyediakan modal atau kemudahan-kemudahan modal

yang cukup kepada bumiputra ini, saya fikir perkara ini telahpun ditubuhkan badan-badan yang tertentu, baik MARA sendiri mahu pun oleh bank-bank perdagangan melalui Syarikat Jaminan Kredit. Di situ dengan adanya kemudahan-kemudahan yang ada itu maka masalah mendapatkan modal yang cukup bagi bumiputra untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan ini, rasa saya sudah tidak timbul lagi, malahan bank-bank perdagangan pada hari ini telah diminta untuk memberikan perhatian yang lebih baik lagi kepada bumiputra untuk mendapatkan modal. Dari segi Credit Guarantee Corporation sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa C.G.C. pada masa-masa yang lalu hanya memberi jaminan setakat \$100,000 sahaja. Tetapi bagi kepentingan kaum bumiputra dan bagi membolehkan kaum bumiputra melibatkan diri di dalam perniagaan yang lebih besar dan yang lebih luas lagi maka jaminan itu telah kita tambahkan kepada \$200,000.

Masaalahnya seberapa cepat atau seberapa lambat atau seberapa mudah atau seberapa sukar seseorang itu mendapatkan permohonannya, ini sudah tentu dari segi apa yang hendak dimohon, dari segi apa yang hendak dilakukan dengan permohonan yang dikemukakan itu, maka pihak-pihak yang hendak meluluskan permohonan itu mestilah diyakinkan dulu. Apakah dengan pemberian pinjaman itu perkara yang hendak dilakukan oleh si pemohon itu dapat berjalan dengan sempurnanya. Saya akui memang terdapat masalah ini pada masa-masa yang lalu. Perkara ini kalau tidak salah saya telahpun dikemukakan kepada Bank Negara dan Bank Negara telahpun merundingkan perkara ini dengan bank-bank perniagaan dan telahpun diberi pengakuan oleh C.G.C. bahawa permohonan melalui C.G.C. secepat-cepatnya akan dikeluarkan dalam masa dua minggu sahaja. Itu telahpun ada jaminannya. Dan kalau ada permohonan-permohonan yang diluluskan di luar daripada jangka masa yang telah dijanjikan sudah tentu ada sebab-sebabnya yang tertentu yang mana perkara itu terlambat.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya faham di atas perkara ini, kalau bank memberi laporan kepada Kerajaan dan tentu laporan-laporan ini baik belaka. Tetapi ada juga orang-orang

bumiputra yang hendak meminjam datang jumpa saya dengan membawa borang yang dikeluarkan oleh bank. Dalam borang C.G.C. ini kalau hendak pinjaman \$30,000 ke bawah disuruh dua orang mesti gerenti. Dasar Kerajaan berkenaan dengan C.G.C. ini tidak payah dengan jaminan. Cuma, Tuan Yang di-Pertua, working paper dia betul; akaun untuk dua tiga tahun ada akan ditimbang. Tetapi ini ada pula borang yang telah dibuat mengetatkan lagi supaya jangan banyak bumiputra meminjam. Jadi, bolehkah atau tidak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ataupun apa-apa Kementerian menengok supaya jangan dipermain-mainkan oleh bank yang mana bank ini membuat satu laporan yang baik kepada Kementerian mengatakan berjuta-juta orang Melayu ataupun bumiputra telah mendapat pinjaman tetapi dengan ada borang-borang dan sekatan-sekatannya. Bolehkah atau tidak dibuat kajian?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, itu memanglah peraturan-peraturan yang telah ada. Dan dari segi C.G.C. kalau dia kurang daripada \$30,000 itu bukan jaminan dari segi harta benda yang diperlukan, hanya dua orang penjamin sahaja. Itu sudah cukup mudah. Jadi tidak payahlah cari harta hendak dicagarkan kepada pinjaman itu memadai hanya ada dua penjamin, dan tiap-tiap penjamin itu memang ada syarat-syaratnya yang mesti dipenuhi oleh para pemohon. Apa yang kita dapati yang dilaksanakan oleh C.G.C. setakat ini adalah memuaskan.

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan di Alor Star, Kedah sudahkah ada badan penyelaras dan siapa dia yang menjadi ahli-ahli badan penyelaras itu. Sekarang ini bila saya bertemu dengan orang-orang kampung banyak yang bertanya berkenaan dengan hendak mengambil bahagian di dalam perniagaan, tetapi mereka tidak tahu hendak tuju kepada siapa untuk mendapatkan penerangan itu. Banyak orang suka hendak menjalankan perniagaan runcit tetapi tidak tahu hendak tuju kepada siapa.

Saya biasa hadir di mesyuarat Buku Hijau Daerah tetapi apabila ditanya bab-bab dan masaalah-masaalah perusahaan dan perniagaan dan perkara 30% ini siapa pun

tidak boleh jawab. Apa yang dijawab ialah cara lama iaitu rancangan telaga, air, kerbau atau ayam. Itu sahaja. Jadi saya hendak tahu adakah di negeri Kedah itu badan penyelaras dan siapakah dia ahli-ahlinya supaya senang hendak dituju oleh siapa-siapa yang datang supaya saya hendak suruh pergi ke situ.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua negeri-negeri telahpun diarahkan supaya menubuhkan badan penyelaras penyertaan Bumiputra ini dan yang bertanggungjawab menubuhkan badan itu di peringkat negeri ialah Kerajaan Negeri dan Pengerusinya pada lazimnya adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri-negeri yang berkenaan. Setakat yang telah kita ketahui arahan-arahan ini telah dilaksanakan oleh hampir ke semua negeri di Malaysia ini.

RUMAH HARGA MURAH

5. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) bagaimana dan setakat manakah kemajuan telah dicapai dalam menggunakan 10 juta ringgit yang telah diperuntukkan kepada Kementerian beliau mengikut hasrat dan cita-cita Allahyarham Y.A.B. Tun Abdul Razak bagi membina rumah-rumah harga murah untuk golongan berpendapatan rendah terutama orang-orang yang tinggal di ladang-ladang dan di luar bandar;
- (b) memandangkan kepada peranan penting yang dimainkan oleh Allahyarham Y.A.B. Tun Abdul Razak dalam soal kemajuan perumahan dan kampung-kampung di mana beribu-ribu rakyat telah dapat menikmati faedahnya, adakah apa-apa cadangan Kementerian beliau untuk mengadakan satu rancangan perumahan atau perkampungan raksaksa khas untuk orang-orang berpendapatan rendah meliputi semua kaum dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebagai mengenangkan jasa, hasrat dan cita-cita Allahyarham Y.A.B. Tun Abdul Razak dalam hal ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab (a) Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan telah mengatur dasar pelaksanaan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan tersebut dengan tujuan untuk memberi pinjaman bagi membina rumah kepada rakyat dalam golongan berpendapatan rendah yang termasuk sekim-sekim seperti di bawah ini:

- (i) Sekim A: Mereka yang mempunyai tanah di persekitaran satu-satu estet perindustrian.
- (ii) Sekim B: Penduduk-penduduk Kampung Baru.
- (iii) Sekim C: Pekerja-pekerja lombong dan ladang/estet.
- (iv) Sekim D: Setinggalan-setinggalan dan orang-orang yang terlibat dalam sebarang projek pembangunan Kerajaan Pusat.

Peruntukan \$10 juta bagi Kumpulan Wang Amanah ini telah diterima oleh Kementerian ini dalam bulan Januari, 1976, iaitu selepas diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam persidangan bulan Disember tahun lalu. Setakat ini Kementerian saya telahpun mengedarkan borang-borang permohonan secara terhad (atas dasar melayani permintaan-permintaan secara bertulis oleh individu-individu) dan sedang memproses permohonan-permohonan itu.

Menjawab soalan (b), Kementerian saya ada cadangan untuk mengadakan satu rancangan perumahan khas untuk orang-orang berpendapatan rendah meliputi semua kaum dalam Rancangan Malaysia Ketiga tetapi perkara ini belum dapat dihuraikan sekarang kerana Rancangan Malaysia Ketiga itu belum diresmikan lagi. Sebagai tindakan positif kepada seruan yang telah dibuat oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, selain daripada rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah yang ditujukan khas untuk golongan pendapatan rendah, Kerajaan juga telah menyusun berbagai strategi yang tersebut:

- (i) melaksanakan projek-projek perumahan kos rendah secara usahasama dengan pihak pemaju-pemaju perumahan swasta;

- (ii) mewujudkan Sekim Pinjaman Perumahan dari Kumpulan Wang Amanah yang saya sebut tadi;
- (iii) menetapkan supaya agensi-agensi Kerajaan membina rumah-rumah pangsa kos rendah tidak melebihi 5 tingkat (melainkan jika telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua), rumah-rumah teres kos rendah dan rumah-rumah papan sebuah;
- (iv) melancarkan sekim tapak kediaman teratur atau "Site and Services Scheme"; dan
- (v) memberi pinjaman wang dan, jika diperlukan bantuan teknik, kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek perumahan awam mereka.

Mengenai (c), Ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa mengikut Perlembagaan Malaysia, soal tanah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Begitu juga dengan perkara-perkara mengenai perumahan. Peranan utama pihak Kerajaan Pusat ialah mendorong, memandu dan memberi bantuan-bantuan (seperti pinjaman kewangan dan bantuan teknik) yang diperlukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam keadaan yang demikian Kementerian ini tidak dapat mengadakan rancangan menyeluruh sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Namun demikian, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ada hubungan dan bekerja rapat dengan pihak-pihak yang berkuasa itu demi mencapai objektif memperbanyakkan bilangan rumah-rumah yang harganya cukup rendah dan tercapai dari segi kemampuan orang-orang yang berpendapatan rendah dan yang memerlukan rumah-rumah itu.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan. Wang peruntukan \$10 juta untuk pinjaman kepada golongan yang berpendapatan rendah, saya fikir termasuk calculation iaitu yang boleh mendapat faedah kalau seseorang peminjam meminjam \$5,000 saya ingat 2,000 orang sahaja yang boleh dapat faedah daripada sekim ini, oleh sebab masalah kekurangan untuk membeli rumah harga murah di tiap-tiap negeri dan di tiap-tiap kawasan pun ada. Kalau peruntukan \$10 juta ini sahaja untuk diberi pinjaman

masaalah membeli rumah bagi golongan yang berpendapatan rendah ini tidak akan dapat diselesaikan. Adakah Kementerian ini mempunyai satu dasar untuk mengadakan lebih banyak lagi wang bagi mengatasi masalah kewangan untuk mendapatkan rumah bagi orang-orang yang berpendapatan rendah?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu harus tidak memahami akan jawapan saya. Rancangan \$10 juta itu ada mempunyai sekim iaitu sekim (a), (b), (c) dan (d) adalah di kalangan orang-orang yang memasuki dalam sekim itu sahaja yang boleh memohon pinjaman yang \$10 juta ini. Selain daripada rancangan Kerajaan di bawah sekim (d) yang telah saya terangkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu rancangan-rancangan Kerajaan rumah terrace di kampung-kampung. Jadi wang yang \$10 juta ini mengikut perincian Kementerian—strategi sekim-sekim yang empat iaitu (a), (b), (c) dan (d) dapat kita memenuhi akan kehendak-kehendak itu dan sekarang inipun kita nampak tidak begitu banyak lebih-lebih lagi masaalah tanah adalah masaalah yang penting sekali bagi melancarkan wang yang \$10 juta itu, bukan masaalah adanya \$10 juta; kita tidak dapat hendak memenuhi atau menemui kehendak-kehendak semua rakyat, itu adalah tidak berasas atas kenyataan Ahli Yang Berhormat.

Puan Dasimah Dasir: Soalan tambahan. Adakah dalam rancangan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan merancang di Negeri Pulau Pinang seperti peluang yang diberikan kepada negeri-negeri yang lain, sebab di Negeri Pulau Pinang ini tidak ada rancangan rumah murah kepada penduduk-penduduk Melayu yang ada di luar bandar begitu juga di dalam bandar.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu saya rasa kalau boleh dapat bekerjasama dengan Kementerian saya supaya bertanya dengan Kerajaan Negeri oleh kerana kalau tidak silap saya, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan telah memberi peruntukan sebanyak \$8.6 juta tetapi tak tahu lah saya, melainkan negeri itu sahaja yang boleh menjawabnya oleh kerana perbelanjaan hanya \$1.1 juta sahaja yang dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kedua dahulu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di kampung-kampung dan di kampung-kampung baharu iaitu kampung baharu sudah 20 tahun lebih dan kampung-kampung lama sudah lama, selama kita mencapai kemerdekaan, kampung-kampung Melayu yang berjauhan masih lagi rumah-rumahnya condong-mondong, atau tidak rancangan Kerajaan untuk sekim (a), (b), (c) dan (d) untuk meminjamkan wang kepada orang-orang ini untuk mendirikan rumah? Yang kedua, jikalau ada, orang-orang yang berpendapatan rendah tadi, samada orang-orang kampung atau bandar yang berpendapatan rendah pada hari ini, antara 15 tahun sahaja kita terpaksa membayar dan dicampurkan bunganya sekali 15 tahun. Adakah cadangan Kerajaan untuk memajukan masa pinjaman tadi sampai 25 tahun supaya mereka boleh bayar dengan secara murah?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Rancangan perumahan ini ada dua sekim, satu sekim rancangan wang pusingan \$10 juta dan satu sekim lagi yang akan kita masukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Jadi, Rancangan Malaysia Ketiga bukan sahaja lebih 15 tahun dan 20 tahun tetapi sampai 25 tahun boleh diberikan wang kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Soal-Jawab selama satu jam telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 6 hingga 14 adalah diberi di bawah ini).

PERPADUAN NEGARA

6. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengukuhkan lagi perpaduan negara dalam negeri ini.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah diketahui umum sebagaimana yang selalu disebarikan melalui alat-alat sebaran am dari masa ke semasa. Pelaksanaan Sistem Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru yang pesat berjalan sekarang, rancangan pembangunan negara melalui Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua, pembentukan Kerajaan

Barisan Nasional dan penubuhan Lembaga Perpaduan Negara adalah diantara beberapa langkah penting yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan lagi perpaduan negara.

Walau bagaimanapun suka saya tegaskan di sini bahawa memupuk perpaduan rakyat bukanlah tugas Kerajaan semata-mata tetapi adalah menjadi tanggungjawab bersama setiap rakyat di negara ini.

PEKERJA MAHIR/SEPARUH MAHIR DI SABAH/SARAWAK

7. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Negeri Sabah dan Sarawak sekarang ini masih kekurangan buruh mahir dan separuh mahir untuk membangun Negeri-negeri tersebut; dan
- (b) samada beliau akan berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut untuk membatalkan permit kerja yang dikeluarkan kepada rakyat Malaysia Barat yang hendak bekerja di Negeri-negeri tersebut untuk mempercepatkan proses pembangunan di kedua-dua Negeri itu.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):

- (a) Saya sedar bahawa sebagaimana di Semenanjung Malaysia, Negeri Sabah dan Sarawak juga sekarang ini masih kekurangan tenaga pekerja-pekerja yang mahir dan separuh mahir. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan mendirikan satu Instituti Latihan Perindustrian di Sabah untuk melatih dan mengeluarkan pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir bagi kedua-dua negeri tersebut.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala pas-pas kerja bagi rakyat Malaysia yang ingin bekerja di Sabah dan Sarawak adalah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen negeri tersebut. Ini adalah sejajar dengan peruntukan di dalam Lapuran Jawatankuasa Antara Kerajaan (Inter-Governmental Committee).

SALURAN AIR DI BANDAR KOTA BHARU

8. Datuk Wee Khoo Hock minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan Pusat sanggup membantu Kerajaan Negeri Kelantan dengan sepenuhnya untuk melaksanakan rancangan pembinaan saluran air di Bandar Kota Bharu, Kelantan.

Perdana Menteri: Sebagaimana Yang Berhormat maklum, kerja-kerja untuk menyediakan rancangan pembinaan saluran air di Bandar Kota Bharu belum dapat disiapkan lagi oleh Majlis Bandaran Kota Bharu dan sehingga kerja-kerja ini siap, Kerajaan Pusat akan memberi pertimbangan untuk membantu Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek ini.

PENGHIJRAHAN PENGANGGUR LUAR BANDAR

9. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan mengeluarkan arahan agar kadar pembangunan perbandaran tidak dipesatkan malahan dikurangkan untuk mengurangkan masalah sosial iaitu penghijrahan penganggur luar bandar yang akan menjadi penganggur baru di bandar atau diperas tenaga dengan gaji yang rendah kerana tiada pilihan lain. Adakah prioriti akan diberi oleh Kerajaan untuk pembangunan di luar bandar kerana kadar pencapaian pembangunan adalah rendah dibandingkan dengan di bandar; dan
- (b) adakah Kerajaan begitu yakin bahawa masalah kemiskinan di luar bandar akan dapat diatasi dan diselesaikan dengan memberatkan kadar pembangunan pembinaan perindustrian di bandar, dan membiarkan kawasan luar bandar begitu sahaja dan samada kegiatan badan-badan seperti UDA lebih diperlukan di bandar daripada di luar bandar ataupun untuk sesuatu kampung atau ditubuhkan oleh Kerajaan seperti FAMA, MARA, RISDA akan menyentuh masalah-masalah tertentu sahaja atau pendekatan menyentuh kulit-kulit sahaja.

Perdana Menteri: Kerajaan tidak bercadang mengeluarkan sebarang arahan supaya kadar pembangunan perbandaran

tidak dipesatkan, kerana ini adalah bertentangan dengan kehendak kita semua supaya negara ini maju dan mengadakan peluang-peluang pekerjaan yang banyak. Selaras dengan ini, Kerajaan adalah memberikan prioriti atau keutamaan dalam pembangunan luar bandar khususnya di negeri-negeri yang kurang maju untuk menuju kepada pencapaian pembangunan yang tinggi.

Mengenai pertanyaan bahagian kedua, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan adalah berusaha untuk menghapuskan kemiskinan di luar bandar berasaskan kepada rancangan dan strategi di bawah rancangan pembangunannya. Keyakinan Kerajaan ini bergantung juga kepada keyakinan semua rakyat untuk berusaha bersama-sama menghapuskan masalah kemiskinan ini. Kegiatan badan-badan berkanun seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah berdasarkan kepada objektif yang telah ditentukan. Keazaman Kerajaan ialah supaya badan-badan berkanun ini menjalankan kegiatan yang menyeluruh dan berusaha mencapai objektifnya.

JUALAN DAUN TEMBAKAU KERING

10. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada benar bahawa quota penjualan daun tembakau kering yang telah diawitkan telah ditarik balik daripada Syarikat Perbadanan Perusahaan Pertanian Kelantan:

- (a) jika ya, mengapa;
- (b) berapa banyak quota yang telah ditarik balik; dan
- (c) nama-nama syarikat di mana quota-quota ini telah diberikan pula berserta dengan alamat, daerah, negeri dan pemegang-pemegang modalnya.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam):

- (a) Saya suka memaklumkan Dewan ini bahawa satu kajian rapi mengenai industri tembakau di Kelantan sedang dijalankan untuk menentukan peranan penanam-penanam dan pengawit-pengawit di dalam industri tersebut. Di mana didapati sesuatu Syarikat tidak memenuhi tugas dan tanggungjawabnya, yang menyebabkan perusahaan tembakau terbuntu atau kedudukan penanam-penanam terjejas, tindakan-

tindakan sewajarnya telah dan akan diambil. Ke arah mencapai matlamat inilah, maka kajian yang rapi sedang dijalankan ke atas Syarikat Perbadanan Perusahaan Pertanian Kelantan. Memandangkan bahawa sehingga ini P.P.P.S.B. telah tidak dapat memenuhi tugas-tugasnya maka Lembaga Tembakau Negara telah menarik balik sebahagian daripada quota yang telah diperuntukkan kepada Syarikat tersebut.

- (b) Sebagai langkah serta-merta dan sementara menunggu selesainya siasatan yang sedang dijalankan, sebanyak 800,000 paun daripada jumlah 2.6 juta paun yang diperuntukkan telah ditarik balik.
- (c) Quota yang ditarik balik daripada P.P.P.S.B. telah diberikan kepada 197 buah Syarikat Pengawit-pengawit di Kelantan dan Besut dengan kadar 500 paun bagi satu baru yang dilesen oleh Lembaga Tembakau Negara. Oleh sebab nama-nama Syarikat tersebut dan alamat-alamat lain sangat panjang senarainya, saya tidak dapat memberitahu Ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Walau bagaimanapun jikalau Ahli Yang Berhormat berkehendakkan maklumat-maklumat tersebut Ahli Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan saya.

Saya suka mengambil kesempatan di sini memaklumkan bahawa satu kenyataan penuh mengenai hasil kajian dan siasatan ke atas Syarikat ini akan saya buat tidak lama lagi.

SENJATAPI KEPADA ISTERI POLIS

11. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada rancangan untuk melatih isteri-isteri ahli Pasukan Polis menggunakan senjatapi akan menjejaskan tugas harian mereka sebagai suri rumah-tangga dan samada elaun akan diberi kepada mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Latihan yang dirancangkan itu adalah secara sukarela sahaja dan bukanlah semestinya dipatuhi oleh setiap isteri anggota-anggota Pasukan Polis. Rancangan ini adalah satu langkah bagi menjamin keselamatan diri

mereka sendiri. Latihan tersebut akan disesuaikan supaya tidak akan menjejaskan tugas-tugas harian mereka sebagai suri-suri rumah-tangga, mungkin akan diadakan di sebelah petang ataupun pada hari-hari kelepasan dari masa ke semasa.

Memandangkan latihan ini adalah secara sukarela sahaja, maka soal pembayaran elaun adalah tidak timbul. Walau bagaimanapun pada masa latihan, kemudahan seperti memberi minuman dan sebagainya akan disediakan.

FELDA—JAMINAN HIDUP PESERTA-PESERTA

12. Tuan Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah jaminan hidup peserta-peserta FELDA apabila getah atau kelapa sawit mereka tidak boleh mengeluarkan hasil lagi.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Apabila kebun-kebun peneroka tidak mengeluarkan hasil yang ekonomik lagi, mereka akan digalakkan untuk menanam semula lot mereka. Bagi rancangan-rancangan getah dijangka mereka akan mendapat bantuan tanam semula daripada Tabung Tanam Semula Kerajaan manakala bagi rancangan-rancangan sawit pula perbelanjaan sebanyak \$1,000 seekar akan dikeluarkan daripada Tabung Tanam Semula yang dibentuk oleh FELDA melalui pungutan Tanam Semula yang diperolehi melalui jualan minyak sawit peneroka.

TAHANAN ANUAR IBRAHIM DENGAN BERSYARAT

13. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa Kerajaan telah menawarkan Encik Anuar Ibrahim, ketua A. B. I. M., pembebasan dari tahanan dengan bersyarat, dan jika ya, bilakah tawaran itu dibuat dan apakah sambutan beliau mengenai perkara ini; sekiranya tawaran tersebut telah ditolak, adakah Kementerian beliau akan menimbang melonggarkan syarat-syarat tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pada 11hb Disember, 1975 Kerajaan

telah bercadang hendak membebaskan Anuar Ibrahim dengan syarat-syarat berikut:

- (i) bahawa beliau tidak dibenarkan berucap di khalayak perjumpaan ramai atau memegang jawatan atau mengambil bahagian di dalam aktiviti atau bertindak sebagai penasihat kepada sebarang kesatuan sekerja atau parti politik, atau mengambil bahagian di dalam aktiviti politik selain dari mengundi di dalam sesuatu pilihanraya yang mana beliau berhak mengundi.
- (ii) bahawa beliau tidak boleh memegang jawatan, menjadi ahli, atau mengambil bahagian aktif atau bertindak sebagai penasihat kepada sebarang persatuan atau pertubuhan pelajar, atau sebarang badan atau pertubuhan kebudayaan.

Oleh kerana Anuar Ibrahim telah tidak bersetuju dengan syarat-syarat yang dicadangkan itu, cadangan itu telah tidak dilaksanakan.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang hendak melonggarkan syarat-syarat tersebut.

PEPERIKSAAN S.P.M./M.C.E. DAN S.T.P./H.S.C.—AMBILALIH DARI LEMBAGA CAMBRIDGE

14. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil setakat ini untuk mengambilalih Peperiksaan S.P.M./M.C.E. dan S.T.P./H.S.C. dari Lembaga Cambridge dan samada ini akan menjejaskan nilai kelayakannya terutama dalam penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya. Nyatakan juga jumlah perbelanjaan yang dibayar oleh Kerajaan kepada Lembaga tersebut tiap-tiap tahun.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Sejak beberapa tahun kebelakangan ini Kementerian Pelajaran telah mula mengambilalih pengelolaan peperiksaan S.P.M./M.C.E. seperingkat demi seperingkat. Setakat ini pengambilalihan itu adalah tertumpu kepada tiga bidang tertentu, iaitu bidang kerja-kerja komputer, bidang pengubalan dan penyelarasan kertas-kertas soalan dan bidang pemeriksaan kertas-kertas jawapan. Kerja-kerja memproses kemasukan calon-calon dalam peperiksaan tersebut serta memproses data-data keputusan

peperiksaan telahpun dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Penggubalan dan penyelarasan beberapa kertas-kertas soalan tertentu bagi peperiksaan tersebut juga telah mula diuruskan oleh Kementerian Pelajaran walaupun kertas-kertas soalan ini bersama-sama dengan kertas-kertas soalan yang lain adalah ditaksirkan (assessed) di Cambridge. Pemeriksaan kertas-kertas jawapan bagi semua matapelajaran dalam peperiksaan S.P.M. dan bagi beberapa matapelajaran tertentu dalam peperiksaan M.C.E. juga telah dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran. Pengelolaan Peperiksaan S.T.P./H.S.C. belum lagi terlibat dalam proses pengambilalihan tersebut oleh Kementerian Pelajaran.

Dalam proses pengambilalihan ini setiap langkah telah diambil bagi menentukan nilai peperiksaan yang terlibat itu tidak sekali-kali terjejas.

Mengenai soal kewangan pula semua yuran peperiksaan yang dipungut berhubung dengan Peperiksaan-peperiksaan M.C.E. dan S.T.P./H.S.C. adalah dikirimkan ke Cambridge dan Cambridge menyerahkan kepada Kementerian sebahagian daripada yuran tersebut untuk kerja-kerja peperiksaan yang dikendalikan oleh Kementerian. Bagi Peperiksaan S.P.M. pula semua yuran peperiksaan yang dipungut itu dibenar disimpankan oleh Kementerian dan hanya sebahagian daripadanya diserahkan kepada Cambridge untuk kerja-kerja peperiksaan tersebut yang diuruskan oleh Cambridge. Bagi Peperiksaan-peperiksaan M.C.E. dan S.T.P./H.S.C. tahun 1974 wang sebanyak \$5,695,000 telah dikirimkan ke Cambridge dan daripada jumlah ini sebanyak \$780,733 telah diserahkan kepada Kementerian. Bagi Peperiksaan S.P.M. tahun tersebut pula sebanyak \$4,284,444 telah dipungut oleh Kementerian dan daripada jumlah ini sebanyak \$126,087 diserahkan kepada Cambridge.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat”. (28hb April, 1976).

3.35 ptg.

Tuan Oh Siew Aun: Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya bagi menyambung semula ucapan saya petang kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, seperti telah saya katakan kelmarin, Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun mengumumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga keutamaan akan diberikan kepada negeri-negeri yang dianggap kurang maju, dan saya harap apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan membagikan peruntukan kewangan untuk negeri-negeri dalam Persekutuan tidak akan melupakan daerah yang mundur dalam negeri-negeri yang dianggap maju itu. Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu lagi perkara yang sangat penting yang ingin saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini. Sebagai Wakil Negeri Pulau Pinang, saya ingin mengambil peluang ini merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan menimbangkan semula status pelabuhan bebas Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat Menteri Kewangan sedia maklum status pelabuhan bebas Pulau Pinang yang telah banyak menolong pembangunan negeri itu dalam masa yang lampau. Oleh kerana status ini dihapuskan maka sampai 100 peratus orang yang bergantung kehidupan dalam perniagaan pelabuhan bebas itu telah terlibat dan menderita seperti pekerja-pekerja pelabuhan, penarik-penarik beca, penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil di pelabuhan Pulau Pinang itu. Saya haraplah Yang Berhormat Menteri Kewangan yang bijaksana akan menimbangkan semula sikap Kementeriannya dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Baginda dan saya percaya bahawa Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn akan berjaya mengurangkan kemiskinan di tanahair kita menerusi Rancangan Malaysia Ketiga.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin merakamkan perasaan sedih dan terharu saya kepada balu-balu dan semua keluarga 11 orang perajurit tanahair yang terkurban di dalam kemalangan helikopter Nuri Tentera Udara Di Raja Malaysia yang mereka naiki telah terhempas ditembak kelmarin semasa menjalankan tugas di sempadan Malaysia. Saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian dan menolong keluarga perajurit-perajurit ini. Terima kasih.

3.40 ptg.

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perbahasan ini disambung semula pada hari ini, bolehkah saya dapat bercakap selama 10 atau 15 minit, kerana kalau saya tidak bercakap maka akan terbukulah di hati saya pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat belum bercakap lagi?

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Saya hendak bercakap sedikit di atas perbahasan ini, sebab saya belum bercakap lagi setelah 4 hari.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, saya benarkan 5 minit.

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berterima kasih di atas budi bicara Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang saya bercakap seperti kata pantun Melayu:

Tanjong darat padang seringan,

Tempat taman raja berjuntai,

Harapan saya berat langit pun ringan,

Mati kempunan kalau tak sampai saya
bercakap pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock bagi

menyembahkan ucapan junjung kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Parlimen yang baru lalu. Setelah empat hari perbahasan ini dijalankan maka berbagai-bagai ucapan dan bermacam-macam ragam ucapan yang telah dikemukakan dalam Dewan ini, ada yang kadang-kadang manis, ada yang kadang-kadang pahit kita dengar. Apabila menyebut ragam-ragam ucapan ini, saya teringat satu pepatah Inggeris menyatakan: Variety is the spice of life, iaitu keragaman itu rempah-ratus hidup. Apabila kita mengatakan begitu, alangkah eloknya ragam-ragam yang banyak itu untuk menyedapkan makanan kita, tetapi saya teringat satu teori, seni yang mengatakan tiap-tiap ragam itu hendaklah sincere, every variety must be sincere, umpamanya, sebagai sebuah lukisan jikalau warna-warna itu tidak kita atur dengan betul maka akan rosaklah gambar yang kita lukis itu. Jadi diharapkan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini apabila menyatakan sesuatu cadangan ataupun idea-idea di dalam Dewan yang mulia ini hendaklah sincere untuk menuju kepada kesatuan negara dan juga kebahagiaan negara kita ini. Ini bukanlah saya hendak mengajar anak itik berenang, tetapi sebagai ingatan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membicarakan masaalah kominis, selalu kita membicarakan iaitu bagaimana kita hendak mempertahankan negara daripada serangan kominis, tetapi jarang kita bicarakan bagaimana supaya negara kita ini jangan menjadi kominis. Selalu kita perkatakan kita hendak membesarkan pasukan pertahanan kita dan sebagainya, tetapi kita sudah berjanji di dalam Dewan yang mulia ini supaya negara kita ini jangan menjadi kominis. Untuk mengelakkan kominis ini, saya fikir kita haruslah merancang satu rancangan yang lebih panjang dan lebih lama. Pada masa dahulu sebelum Vietnam Selatan dan Kemboja jatuh ke tangan kominis, kita selalu membicarakan Amerika boleh melindungi kita di sini, tetapi sekarang oleh sebab kita mengubah dasar kita kepada bebas dan aktif, kita tidak mahu perlindungan daripada negeri orang lain. Kita terdedah kepada kominis apabila Vietnam Selatan dan juga Kemboja masuk diperintah oleh kominis hanya tinggal Siam sahaja sedangkan di utara negeri kita ini bersempadan dengan Thailand di sanalah kominis berkumpul.

Selalu saya dengar Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie mengatakan bila kominis datang ke negeri kita, kita buru, mereka masuk ke sempadan Siam. Bila masuk ke sempadan Siam, mereka selamat. Kadang-kadang Pasukan Keselamatan kita masuk ke sana nampak ini betul kepala kominis, tetapi tidak boleh ditangkap, orang Siam tidak beri. Itulah sebabnya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad mendesak semula dan mencadangkan supaya perjanjian keselamatan dengan Siam itu dikaji semula. Ini masalahnya.

Bagi mengatasi masalah ini, saya ada satu syor di dalam Dewan ini, kalau boleh pakai, pakailah dan kalau tidak hanya menjadi ingatan sahaja, iaitu kita buat satu priority untuk membuka kampung-kampung baru di sempadan antara Siam dengan Malaysia, kerana bila kita buka kampung baru kita hantarkan bekas-bekas Pasukan Keselamatan yang selalu menyusahkan Yang Berhormat Senator Ibrahim Haji Yaacob minta tanah itu, kita hantarkan ke sana supaya mereka tinggal di sana, bila mereka sudah biasa dengan senjata, apabila kominis hendak masuk, mereka ada senjata, jadi selamat negeri kita ini. Dalam rancangan ini saya fikir mestilah dibuat rancangan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu dengar dalam suratkhobar bahawa Yang Mulia Professor Ungku Aziz selalu menyebutkan mengenai brain drain. Brain drain ini dalam bahasa Melayu, saya agak kalau literal translationnya "pengaliran bijak pandai" atau "pengaliran intelek". Masalah brain drain dahulu tidak berapa banyak di negeri kita ini, Singapura pun ada mengalami, tetapi apabila Vietnam Selatan dan juga Kemboja jatuh ke tangan kominis nampaknya brain drain ini semakin lumrah lagi. Ada 400-500 orang sekarang menunggu hendak keluar daripada Malaysia iaitu ahli teknokrat dan juga professional-professional: doktor, loyar dan sebagainya hendak lari daripada Malaysia seolah-olah negeri kita ini sudah dekat benar dengan kominis, mereka takut. Ada pepatah Melayu mengatakan: Rumah terbakar tikus habis lari. Rumah bila terbakar tikus habis lari, tetapi rumah belum terbakar lagi tikus hendak lari. Ini satu perkara yang pelik. Sayangnya pula ahli-ahli teknokrat dan professional kita ini setengah daripada

mereka mendapat pelajaran tinggi dengan biasiswa (scholarship) daripada negaranya, tetapi mengikut perjanjian bangsa-bangsa di atas kebebasan manusia kita tidak boleh melarang orang ini pergi. Mereka boleh pergi kerana kepandaiannya hendak dipakai, jadi kitalah yang brain drain tetapi kita tidak boleh tahan mereka. Apa yang kita boleh buat, saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang apabila mereka ini sudah pergi kelak, jangan beri mereka balik lagi, jangan beri mereka kerakyatan, sebab nanti mereka kata: Oh, Malaysia mengamalkan kerakyatan *jus soli*. Saya dilahirkan di Malaysia, saya boleh balik ke Malaysia. Jangan beri peluang mereka balik. Kalau mereka hendak keluar, kita lepaskan mereka keluar, tetapi bila diminta kerakyatan, saya minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang ini jangan beri mereka balik, biarpun mereka berlutut. Tikus-tikus yang semacam ini jangan beri peluang masuk lagi dalam sawah kita, nanti habis padi kita dihentamnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelender-kelender dalam negara kita pada tahun ini, saya tengok semua kelender yang dibuat kebanyakannya daripada gambar wanita-wanita dan gambar-gambar ini pula ialah gambar-gambar photography, jadi gambar-gambar wanita yang keluar, sanggul wanita, muka wanita, wanita sana, wanita sini, jadi wanita sudah dijadikan perdagangan pula. Ini barangkali Yang Berhormat wakil wanita kita akan bercakap dalam perkara ini pada satu ketika nanti dan satu lagi saya perhatikan kebanyakan daripada gambar ini ialah gambar-gambar yang diphoto, tidak yang dilukis. Jikalau gambar-gambar ini dilukis adalah pelukis-pelukis kita, seniman-seniman kita mendapat perlindungan, jadi dapatlah dia mencari wang daripada melukis gambar-gambar ini semua. Jadi, kita patutlah menjadi patron kepada pelukis-pelukis ini sedangkan pelukis-pelukis ini kita tahu ialah ahli-ahli seni yang jarang-jarang usahanya ini dapat dibeli oleh orang. Jika dijadikan kelendar dapatlah dia mencari nafkah hidupnya. Hasil seniman-seniman ini saya memikirkan umpamanya sebagai hiasan kepada negara, seperti seorang wanita indah, yang cantik bentuk badannya, tetapi jikalau dia tidak memakai sedikit lip-stick, tidak pakai baju yang elok potongan moden, tidak cantik juga. Jadi kalau negara tidak memelihara seniman-seniman ini, saya rasa

seolah-olah seorang perempuan yang tidak ada hiasan. Jadi, diharapkan supaya di masa yang akan datang orang-orang yang membuat kalendar ini patutlah kita sarankan supaya mengambil juga seni lukis yang baik. Kita ada pelukis-pelukis yang handal di negara kita seperti Ibrahim Hussin, Syed Jamal dan lain-lain. Orang-orang ini kita tidak nampak lukis-lukisannya lagi. Dahulu ada.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kalendar yang dikeluarkan oleh Lembaga Perpaduan Negara. Saya tenguk memang cantik printnya dan kertasnya sehingga berbelanja saya dengar \$130,000 untuk mengeluarkan kalendar dan kalendar ini kalau kita perhatikan sekali lalu memang cantik, akan tetapi bila perhati lagi, bila kita tenguk apa yang tersirat—bukan kita tenguk apa yang tersurat, kita nampak masih lagi mengamalkan puak-puak. Kalau kita tenguk gambar yang di depannya seorang India sedang bercucuk-cucuk yang kita semua tahu, yang kedua lain, yang ketiga gambar Maulud Nabi, kalau tidak silap saya. Jadi masih kalau kita perhatikan dengan cara visual dari segi pendidikan, dengan tujuan pandangan pendidikan masih berpuak-puak, masih “divide and rule”. Bukankah baik kalau kita buat dalam muka yang pertama iaitu bulan Januari itu barangkali Perdana Menteri menyambut Menteri-menteri yang bukan beragama Islam daripada kaum China dan India berselamat Hari Raya di rumahnya. Jadi, rakyat nampak dan lihat Menteri kita bersatu. Kita harus bersatu. Kita selalu memperkatakan perpaduan dan sebagainya, tetapi dalam hal praktikalnya kita tidak buat. Kata Sejarah Melayu: lain surat lain yang dibaca. Ini merbahaya. Jadi, diharapkan pada masa hadapan ubahkan corak itu. Ini bukan mengkritik tetapi memberi fikiran sahaja. Selain daripada itu, ada sedikit sahaja lagi iaitu berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya ingin menyentuh Kementerian ini kerana apa yang saya perhati apabila menghantar rombongan-rombongan kesenian ke luar negeri yang dihantar ahli tari dan wayang kulit. Ini baik tetapi kita masih ada seniman-seniman, penulis-penulis (writers) dan penyair-penyair yang handal. Mereka inipun patut juga kita hantar keluar negeri sebagai yang saya katakan tadi, adapun seniman-seniman itu ialah hiasan kepada negara. Jadi bukan sahaja orang kita ini

pandai menari, tetapi pandai menulis sastera, kita hantar juga pelukis-pelukis kita keluar negeri memperkenalkan. Kita ada Osman Awang misalnya, seorang penyair yang masyhur di negara ini. Banyak sajak-sajaknya yang telah diterjemahkannya ke dalam bahasa asing. Saya harap perkara-perkara ini dapat diingatkan barangkali tidak disebut oleh rakan-rakan kita Yang Berhormat yang telah bercakap dahulu daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua sudah memberi masa saya bercakap ini, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan sekali lagi saya menyokong usul yang dibawa oleh Datuk Dr Wee Khoo Hock.

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Ucapan pembukaan Dewan Parlimen penggal ini.

Yang pertama sekali saya ingin memberi jawapan atas pandangan Ahli Yang Berhormat Tuan Abdul Rahim Abdul Manan yang telah memberi teguran di mana dalam masa lawatan beliau ke ladang Majuternak Jelai-Gemas beliau hanya melihat 60 ekor lembu yang sedang memakan rumput kering. Sebenarnya ladang Majuternak Jelai-Gemas ialah seluas 5,000 ekar yang mana seluas 1,900 ekar telah ditanam dengan rumput untuk makanan lembu-lembu itu dan jumlah ternakan ialah sebanyak 2,130 ekor. Boleh jadi Yang Berhormat itu hanya menemui sekumpulan daripada 60 ekor lembu sahaja dan juga boleh jadi lembu-lembu itu sedang memakan rumput kering sebagai main-main sahaja kerana lembu-lembu ini kadang-kadang sesudah jemu memakan rumput hijau ada juga kalanya mereka memakan rumput kering sebagai permainan sahaja.

Berkenaan dengan pandangannya kesusahan penternak-penternak susah untuk membawa lembu-lembu ini untuk disembelih di Senawang sejauh 60 batu dari Gemas. Sebenarnya untuk sembelihan kenduri kendara atau perayaan-perayaan agama

rakyat adalah dibebaskan untuk menyembelih di tempat masing-masing. Hanya untuk jualan sahaja yang diperlukan disembelih di rumah sembelih di Senawang untuk menjaga kebersihan dan kesihatan. Walaupun begitu jika sekiranya di Gemas hanya memerlukan satu, dua ekor bagi tiap-tiap satu hari untuk jualan pihak Majuternak boleh menimbangkan semula bagi mengelakkan kesusahan rakyat di sana.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah menyentuh dan melahirkan kebimbangan berkenaan dengan rancangan Pertanian Johor Barat. Di sini saya suka memberi penjelasan bahawa pelaksanaan projek ini di dalam peringkat pertamanya telah dimulakan pada tahun 1974 dan dijangka akan dapat diselesaikan di dalam tahun 1979 sebagaimana yang telah dijadualkan. Tujuan rancangan ini ialah untuk memberi kemudahan kepada kawasan pekebun-pekebun kecil seluas 330,000 ekar untuk mengubah corak pertanian mereka, menyediakan perparitan dan juga jalan-jalan yang sempurna. Juga perkhidmatan-perkhidmatan pertanian seperti pemasaran, kredit dan juga kilang-kilang memproses hasil-hasil pertanian jika diperlukan. Bagi tahun 1976 ini Kementerian Pertanian telah menyediakan peruntukan sebanyak \$10 juta bagi meneruskan kerja-kerja yang telah dimulakan pada tahun 1974 itu. Saya percaya kerja-kerja sedang pesat dijalankan mengikut jadual-jadual yang telah ditentukan.

Kepada Yang Berhormat Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim yang menyatakan petani-petani di kawasan MADA agak berasa tidak begitu senang di atas soal bayaran cukai air yang dikenakan atas tanah-tanah bendang mereka. Saya suka memberi pandangan petani-petani di kawasan MADA patut sangat memberi pertimbangan kepada usaha-usaha Kerajaan atas kemudahan-kemudahan infrastruktur yang dibuat oleh MADA yang mana adanya kemudahan-kemudahan perairan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang petani-petani boleh meninggikan pendapatan mereka yang mana hitung panjang pendapatan satu ekar tanah telah mencapai 600 gantang bagi satu musim dan ini bermakna 1,200 gantang bagi satu tahun. Ini adalah hasil kemudahan perairan yang diberi oleh pihak MADA dan kawasan ini merupakan yang tertinggi di seluruh negara Malaysia. Saya fikir patutlah ditimbang

untuk kenaikan cukai daripada sawah-sawah mereka ini untuk membantu kewangan Kerajaan.

Berkenaan dengan menyatukan petani-petani di kawasan MADA di bawah satu organisasi, sebenarnya organisasi petani di kawasan MADA telahpun ada iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang (L.P.P.) untuk mengujukkan Koperasi-koperasi Peladang di kawasan MADA. Ketua Pengarah L.P.P. telahpun memberi kuasa kepada Pengurus Besar MADA untuk menubuhkan koperasi-koperasi di dalam kawasan MADA supaya petani-petani di kawasan itu dapat diberi pimpinan di dalam satu organisasi serta diberi kemudahan-kemudahan kredit, baja, kejenteraan dan juga perniagaan tani melalui organisasi-organisasi ini. Dan saya percaya tindakan ini sedang dijalankan dan telah dijalankan oleh Pengurus Besar MADA bagi menubuhkan Koperasi-koperasi Peladang di kawasan yang tersebut.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu juga yang menyatakan petani-petani di luar MADA lebih beruntung kerana mendapat kemudahan daripada L.P.P. sedangkan petani-petani di kawasan MADA tidak mendapat kemudahan daripada L.P.P. Sebenarnya, Tuan Yang dipertua, petani-petani di kawasan MADA adalah lebih istimewa dari petani-petani di luar MADA. Pada 24hb dan 25hb yang lalu saya telah membuat melawat ke Kedah dan saya telah diberitahu petani-petani di luar MADA merasakan iri hati atas kemudahan-kemudahan infrastruktur yang didapati oleh petani-petani di kawasan MADA kerana mereka telah dapat menanam padi dua kali setahun dan boleh mendapatkan hasil yang lebih tinggi, sedangkan petani-petani di luar MADA masih lagi kekurangan kemudahan seperti air sawah mereka dan juga jalan-jalan yang diperlukan.

Mengikut perbelanjaan yang telah dikeluarkan di kawasan MADA bagi kawasan 230,000 ekar adalah sebanyak lebih \$1,100 bagi tiap-tiap satu ekar yang mana Kerajaan telah melaburkan bagi menyediakan infrastruktur di dalam kawasan MADA. Sedangkan petani-petani di luar MADA tidak menikmati peruntukan yang seperti itu. Hanya L.P.P. memberikan kemudahan kejenteraan di Pusat-pusat Kemajuan Peladang serta kredit untuk menolok mengubah nasib mereka untuk menambahkan pendapatan mereka.

Berhubung teguran dari Yang Berhormat Tuan Haji Amin mengenai masalah kemarau panjang yang menyusahkan petani-petani di kawasan KADA. Keadaan kemarau panjang baru-baru ini memanglah satu keadaan yang luarbiasa dan keadaan ini adalah kehendak Tuhan. Walau bagaimanapun bagi mengatasi masalah ini Jabatan Parit dan Taliair telahpun menghantarkan 12 buah pam air untuk menaikkan air di sawah-sawah yang sedang mengalami kekeringan. Saya percaya masa ini pam-pam yang tersebut sedang dipasang untuk mengatasi kejadian kemarau panjang yang berlaku lagi di kawasan KADA.

Ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh berkenaan nasib nelayan-nelayan yang mempunyai pendapatan yang tidak memuaskan. Di sini saya suka menyeru nelayan-nelayan supaya dapat menganggotai Koperasi-koperasi Nelayan yang telah diwujudkan di bawah pentadbiran MAJU-IKAN. Sebagai makluman sehingga Julai, 1975 sebanyak 22 buah Persatuan Nelayan di Semenanjung Malaysia, 4 di Sarawak dan 73 buah Syarikat Kerjasama Nelayan di Semenanjung, 2 di Sarawak dan 6 di Sabah yang dianggotai oleh 23,163 orang akan dijadikan Koperasi-koperasi Nelayan. Mereka ini juga telahpun mempunyai modal sebanyak \$7,038,917. Modal-modal ini adalah termasuk saham-saham, pinjaman luar daripada bank, Perbendaharaan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga modal-modal pusingan, yuran-yuran dan keuntungan yang dijadikan simpanan. Tujuan dan matlamat Koperasi Nelayan ini ialah untuk melaburkan modal mereka kepada projek-projek yang sedang dijalankan oleh pihak MAJU-IKAN di masa ini; seperti pusat-pusat memproses ikan, kilang-kilang ikan baja, kilang ice dan sebagainya supaya nelayan-nelayan ini tidak semata-mata bergantung dengan hasil tangkapan ikan semata-mata, tetapi juga akan dapat menyertai kegiatan-kegiatan di dalam perusahaan dan pemasaran ikan.

Selain daripada itu, oleh kerana pertambahan keluarga nelayan pada tiap-tiap tahun sangatlah baik kiranya nelayan-nelayan ini dapat diberi keutamaan di dalam menyertai rancangan-rancangan pembukaan tanah dengan tujuan mengurangkan jumlah keluarga nelayan ini dari semasa ke semasa supaya nelayan-nelayan ini akan dapat mengubah mata pencariannya dari nelayan

kepada pertanian. Saya percaya dengan adanya beberapa rancangan pembukaan tanah terutama di Negeri-negeri Pantai Timur nelayan-nelayan di negeri yang tersebut akan diberi keutamaan menyertai rancangan-rancangan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat telah banyak menyentuh atas keadaan kemiskinan petani-petani di kawasan luar bandar. Di sini saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa pertanian di dalam negara kita ini ada dua jenis iaitu:

- (1) Petani-petani yang diwujudkan oleh penjajah semenjak beratus-ratus tahun yang lalu iaitu petani-petani kecil yang berselerak di dalam negara kita yang mana kebanyakan mereka ini di dalam golongan miskin disebabkan beberapa perkara; di antaranya:
 - (a) mempunyai keluasan tanah tidak lebih dari 3 ekar suatu keluarga;
 - (b) menanam jenis tanaman yang tradisi yang mempunyai ekonomi yang rendah;
 - (c) tidak mempunyai kejenteraan ladang seperti trektor dan sebagainya;
 - (d) tidak mendapat kemudahan kredit untuk membeli input-input pertanian, baja, racun serangga dan sebagainya;
 - (e) tidak adanya penyusunan pemasaran yang sempurna kerana tidak ada kesetabilan pengeluaran.

Perkara ini telah disedari oleh Kerajaan, maka itulah Kerajaan telah mengwujudkan satu organisasi apa yang disebutkan Lembaga Pertubuhan Peladang bagi mengujudkan Koperasi-koperasi Peladang di seluruh negara. Tugas-tugas yang dijalankan oleh Koperasi Peladang ini ialah di antaranya:

- (1) menyediakan pembinaan asas bagi kemudahan-kemudahan peladang;
- (2) memperluaskan pengeluaran dan pemasaran pertanian;
- (3) usaha memperdagangkan pertanian atau perniagaan tani;
- (4) menggalakkan rangkaian kedai-kedai runcit di kawasan desa;
- (5) memajukan tanah;

- (6) rancangan-rancangan kredit; dan
- (7) rancangan bagi mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi peladang-peladang.

Lembaga Pertubuhan Peladang terus cergas untuk menyusun semula masyarakat peladang-peladang di kawasan desa yang mana matlamatnya untuk mengadakan sebanyak 212 buah Pusat Kemajuan Peladang di Semenanjung Malaysia untuk memberi perkhidmatan kepada petani-petani. Mudah-mudahan dengan adanya kerjasama dari semua pihak yang ada hubungannya dengan petani-petani kecil ini masalah mereka akan dapat diatasi dengan cara beransur-ansur.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya ialah petani-petani yang telah diwujudkan oleh Kerajaan kita iaitu khasnya diwujudkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak iaitu petani-petani yang menyertai rancangan tanah FELDA. Kita masih ingat di dalam masa hayatnya Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang mana pada masa itu beliau menjadi Menteri Pembangunan Luar-bandar yang mana telah dapat mengwujudkan FELDA ini dengan menempatkan petani-petani di dalam satu kawasan FELDA yang telah diberi beberapa kemudahan rumah-rumah, jalan-jalan, sekolah, Pusat Kesihatan, tanaman yang bermutu tinggi lengkap dengan kilang-kilang untuk memproses hasil pertanian dan bidang tanah yang ekonomi serta pegawai-pegawai yang mencukupi. Yang mana mereka ini merupakan petani-petani yang telah diwujudkan oleh Kerajaan kita yang telah dapat menikmati taraf hidup yang lebih tinggi. Ini adalah membuktikan bahawa Kerajaan kita telah berjaya menolong bagi meninggikan taraf hidup petani-petani yang dapat disusun dan diatur dengan sempurna oleh Kerajaan kita sendiri. Yang mana pada masa ini beratus-ratus ribu keluarga telah dapat ditempatkan di bawah rancangan ini.

Apa yang perlu diberi perhatian dan peruntukan yang lebih ialah untuk membela nasib petani-petani kecil yang telah menerima warisan daripada penjajah dahulu supaya mereka ini dapat diberi pembelaan yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan juga

nasihat-nasihat serta teguran-teguran kepada Kementerian saya, mudah-mudahan dengan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat segala masaalah yang dihadapi oleh Kementerian ini akan dapat diatasi.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya menghantar pegawai Majuternak ke Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Seremban supaya memberi penerangan sepertimana yang Timbalan Menteri memberi jawapan tadi, kerana penerangan pegawai itu berlainan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri beri.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Baik, boleh saya aturkan.

4.08 ptg.

Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, sejak tiga hari yang lalu, sewaktu perbahasan di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pelajaran. Terlebih dulu saya mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Ibrahim Haji Yaacob telah membangkitkan beberapa perkara mengenai pelajaran. Berkenaan dengan cadangan beliau supaya semua sekolah menerima murid dari berbagai kaum, ini amatlah baik dari segi perpaduan tetapi harus diingat bahasa pengantar di sekolah China, Tamil dan Telegu bukan Bahasa Malaysia. Sekarang ini tidak ada larangan jika murid ingin pergi ke mana-mana sekolah, tetapi kalau peraturan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu diamalkan maka kita terpaksa memaksa ibu-bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang mereka mungkin tidak suka. Ini akan menimbulkan banyak masaalah yang saya tidak sedia menghadapinya.

Berhubung dengan cadangan memansuhkan peperiksaan L.C.E. ini, sebenarnya L.C.E. akan hapus dengan sendirinya apabila semua sekolah menengah rendah jenis kebangsaan (Inggeris) menggunakan Bahasa

Malaysia sebagai bahasa pengantar. Walau bagaimanapun, saya tidak bersetuju dengan pendapat bahawa mereka yang gagal L.C.E. lah yang terlibat dengan dadah dan sebagainya. Tidak ada bukti sama sekali bahawa peperiksaan ini ada kaitan istimewa dengan dadah, kumpulan haram atau perompak.

Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Senator Ibrahim Haji Yaacob supaya buku teks diberi percuma kepada murid-murid untuk meringankan beban Guru Besar mengutip balik buku pinjaman tersebut. Perbelanjaan untuk berbuat demikian ialah sekurang-kurangnya \$62 juta setahun. Jika perbelanjaan ini dibuat maka perbelanjaan untuk lain-lain kemudahan mestilah dikurangkan. Jika kita semua sanggup menghabiskan \$62 juta setahun supaya kita tidak akan dibebankan dengan kerja mengutip balik buku pinjaman, pihak saya akan menimbang cadangan ini tetapi untuk menentukan ini benar dikehendaki, saya ingin tahu berapa banyakkah Guru Besar yang telah menyampaikan kelohan mereka kepada Ahli Yang Berhormat. Desakan ini mungkin memburukkan imej Guru-Guru Besar yang tidak pernah menyampaikan sungutan mereka kepada saya. Sebab itu siapa yang sebenar mahu buku-buku ini diberi percuma patut ditentukan terlebih dahulu.

Yang Berhormat Senator Ibrahim Yaacob juga meminta supaya bayaran M.C.E./S.P.M dan L.C.E./S.R.P. diturunkan. Saya ingin menjelaskan bahawa bayaran ini bukan menjadi "revenue" Kerajaan tetapi ialah untuk membayar belanja mengurus peperiksaan. Jika calon-calon peperiksaan tidak membayar, maka Kerajaan pastilah membayarnya. Bukan semua calon-calon terdiri daripada orang-orang miskin. Mereka yang betul-betul miskin diberi pertolongan seberapa yang boleh. Menolong mereka yang mampu membayar kerana mahu menolong yang tidak mampu adalah cara yang tidak wajar.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad mengesyorkan supaya Kementerian Pelajaran menukarkan panggilan "Guru Sementara" kepada "Guru Pelatih". Berkenaan dengan cadangan ini, saya dukacita tidak dapat menerimanya. Guru Pelatih adalah mereka yang sedang menerima latihan untuk menjadi guru supaya selepas tamat tempoh latihan itu, mereka akan ber-

kelayakan untuk memasuki Perkhidmatan Pelajaran. Guru Sementara pula adalah mereka yang tidak terlatih dan belum diterima untuk menjalani latihan perguruan.

Yang Berhormat Senator Dr Lim Keng Yaik mengesyorkan supaya semua institusi-institusi pelajaran tinggi di negara ini tidak mengambil pelajar-pelajar mengikut pecahan satu-satu kaum seperti di Instituti Teknologi MARA. Ingin saya tegaskan di sini bahawa semua Institusi-institusi pelajaran tinggi tidak mengamalkan dasar ini kecuali I.T.M. Ini pun ada tujuan-tujuan tertentu seperti mengatasi masalah kekurangan bilangan kaum bumiputra dalam kumpulan pengurusan dan ikhtisas. Adalah diharapkan dengan melaksanakn dasar ini I.T.M. dapat mengeluarkan tenaga-tenaga pekerja mahir/separuh mahir dari kalangan bumiputra demi untuk mengesimbangkan keadaan dalam jurusan ini di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menggulung perbincangan mengenai Titah Ucapan Di Raja dan memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan Jabatan Perdana Menteri yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan tersebut.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Titah Ucapan Di Raja dengan menyampaikan teguran-teguran dan kritik yang membina terhadap dasar-dasar dan pentadbiran Kerajaan kita. Teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat meliputi masalah Keselamatan Negara serta Rancangan Pembangunan khususnya masalah kemiskinan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira kerana hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang masalah keselamatan negara dalam ucapan masing-masing. Bagi saya, ini menunjukkan perhatian berat dan serious yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat tunjukkan terhadap masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr Lim Keng Yaik telah mencadangkan supaya Rancangan Khidmat Negara diadakan untuk menentukan penglibatan khidmat seluruh rakyat dalam rancangan menentang pengganas-pengganas kominis. Mengikutnya syor itu telah dibuat

atas 4 sebab iaitu memandangkan kepada keadaan keselamatan negara yang agak serious; untuk memberi latihan dan juga menanamkan semangat berdisiplin dan berkhidmat kepada negara di kalangan rakyat dan bekas-bekas pelajar yang tiada mempunyai pekerjaan; sebagai satu cara meyatukan rakyat dari berbilang kaum di Malaysia serta menanamkan rasa taat setia kepada negara dan memandangkan bahawa sambutan dari kaum China terhadap pengambilan (recruitment) terhadap pasukan berjenajata sangatlah diingini.

Bagi menjawab cadangan Yang Berhormat Senator itu, saya suka menjelaskan bahawa Kerajaan sedang mengkaji segala aspek berkenaan dengan segala Rancangan Khidmat Negara termasuk kekuatan keanggotaan yang dikehendaki, perbelanjaan yang terlibat dan lain-lain lagi. Pelaksanaan Rancangan khidmat Negara akan ditimbang apabila ianya didapati perlu.

Sementara itu penglibatan rakyat dalam perjuangan menentang ancaman pengganaspengganis kominis dan anasir-anasir subersif disalurkan melalui pelaksanaan rancangan rancangan Rukun Tetangga yang kini sudah meliputi 50 kawasan dan penubuhan Pasukan-pasukan RELA, yang sekarang berkembang dengan pesatnya, dan mempunyai keanggotaan lebih sedikit daripada 201,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin telah membangkitkan soal penyertaan orang-orang awam sebagai anggota di dalam Jawatan Kerja Keselamatan Daerah memandangkan bahawa penyertaan orang-orang awam adalah perlu di dalam perjuangan menentang pengganaspengganis kominis.

Dalam hubungan ini sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah yang terdiri dari Pegawai-pegawai Daerah, Ketua Polis Daerah, wakil angkatan tentera dan pegawai-pegawai lain yang difikirkan perlu termasuk Pegawai Perhubungan Daerah adalah sebuah Jawatankuasa Kerja yang khususnya terlibat dalam tindakan-tindakan keselamatan. Penglibatan pemimpin-pemimpin masyarakat dan rakyat seluruhnya wujud dalam Jawatankuasa Kerja Keselamatan dan Kemajuan Kampung di mana Penghulu, Ketua Kampung dan ahli-ahli masyarakat

yang lain adalah menjadi anggota. Di samping itu penglibatan rakyat di peringkat bawah atau "grassroot" di dapati juga dengan penyertaan mereka dalam pasukan-pasukan RELA dan rancangan Rukun Tetangga. Tambahan pula Majlis-majlis Penerangan Keselamatan dan dailog-dailog diadakan dari masa ke semasa bagi menentukan sikap dan mendapat sokongan dan penglibatan rakyat dalam usaha bersama menentang musuh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Rahim Manan telah membangkitkan soal kelewatan mewartakan kawasan-kawasan Rukun Tetangga, tetapi beliau tidak pula menyebutkan nama-nama kawasan berkenaan. Dalam hubungan ini, saya suka menjelaskan bahawa ada kemungkinannya bahawa sektor yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator itu hanya menjalankan tugas kawalan secara sukarela sahaja dan kawasan itu belum lagi dilancarkan dengan rasminya. Pada kebiasaannya sesuatu sektor Rukun Tetangga itu diwartakan dalam tempoh 4 minggu setelah dilancarkan dengan rasminya. Ini disebabkan oleh sektor itu mesti ditetapkan dengan teliti oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga berkenaan. Selepas itu barulah dihantar pula ke Jabatan Peguam Negara untuk diwartakan. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat tersebut dapat memberitahu kepada Jabatan Perdana Menteri dengan menyatakan sektor Rukun Tetangga yang dimaksudkan itu maka perkara ini bolehlah disemak.

Sekarang saya beralih pula kepada satu topik yang agak penting iaitu berkenaan dengan Rancangan Pembangunan. Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah Sheik Hussein telah menegur Kerajaan bahawa Kerajaan cuma membela rakyat di bandar-bandar besar sahaja di mana ditumpukan segala bentuk pembangunan dan segala jenis yang istimewa. Beliau seterusnya mendakwa bahawa bilangan mereka yang tinggal di bandar dan menikmati kemajuan-kemajuan itu adalah merupakan golongan rakyat yang minority sahaja. Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa sekiranya ini matlamat Kerajaan hal ini adalah salah dan Dasar Ekonomi Baru adalah tidak mencapai matlamat.

Saya berasa sukar untuk memahami teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu memandangkan Kerajaan kita

semenjak mencapai kemerdekaan telah memberi perhatian yang mendalam dan serius terhadap pembangunan di luar bandar. Ahli Yang Berhormat tentu tidak lupa dengan perjuangan dan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang kita kasihi dalam meninggikan taraf hidup orang-orang di luar bandar. Adalah diketahui dan diakui umum sehingga ke peringkat antarabangsa betapa giatnya dan seriusnya Allahyarham Tun dalam hayatnya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan kemudiannya sebagai Perdana Menteri memperjuangkan kebajikan luar bandar yang telah terbiar di bawah penjajahan dahulu. Berbagai rupa rancangan dan kemudahan-kemudahan telah dibekalkan di kawasan-kawasan luar bandar untuk mengurangkan jurang kemajuan yang dinikmati di bandar dan yang dinikmati di luar bandar. Saya rasa saya tidak perlu menghuraikan satu-persatu projek-projek dan usaha-usaha Kerajaan ke arah meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar. Saya hanya hendak menyatakan bahawa rancangan-rancangan luar bandar kita adalah begitu hebat sehinggakan ramai negara-negara asing khususnya negara yang sedang membangun yang telah kagum dengan rancangan-rancangan pembangunan kita sehinggalah strategi rancangan pembangunan kita dijadikan satu model.

Yang Berhormat Senator Kam Woon Wah telah menyentuh tentang betapa perlunya Kerajaan mendapat sokongan semua kaum dalam perjuangannya menentang ancaman pegganas-pegganas komunis. Beliau juga menyuarakan kebimbangan orang-orang bukan bumiputra yang merasai bahawa usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan adalah mendatangkan faedah untuk orang-orang bumiputra sahaja. Pendapat ini agak bertentangan dengan pendapat yang telah disuarakan oleh Senator Hajjah Salmah tadi.

Bagi menjawabnya, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan memanglah sedar atas keperluan melibatkan dan mendapatkan sokongan daripada semua kaum dalam usahanya untuk menentang ancaman pegganas-pegganas komunis. Rancangan Malaysia Ketiga akan menitikberatkan, di antara lain, pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan usaha memikat hati rakyat (*to win the hearts and minds of the people*) akan dipergiatkan lagi.

Berkenaan dengan kesangsian orang-orang bukan bumiputra tentang nikmat dan faedah pembangunan yang dikatakan hanya diperolehi oleh orang-orang bumiputra sahaja, saya suka menyatakan bahawa sekiranya kita mengkaji dan meneliti secara mendalam tuduhan ini, kita akan dapat mengetahui bahawa nikmat-nikmat dan faedah-faedah yang timbul daripada usaha-usaha rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan adalah sebenarnya bukan dinikmati juga secara langsung mahu pun secara tidak langsung oleh orang-orang bukan bumiputra.

Seperti yang diketahui umum, rancangan-rancangan pembangunan yang diusahakan oleh Kerajaan semestinya melibatkan pembinaan bangunan-bangunan, kompleks-komplek, sekolah-sekolah, hospital-hospital, pusat-pusat pengajian tinggi dan sebagainya. Kerja-kerja pembinaan bangunan-bangunan seperti itu lazimnya adalah dijalankan oleh kontraktor-kontraktor besar yang sebahagian besar terdiri daripada kontraktor-kontraktor bukan bumiputra kerana mereka mempunyai ekspertis untuk membuat demikian. Berikutan daripada pemberian kontrak-kontrak yang besar itu, maka timbullah pula beribu-ribu peluang pekerjaan mahir kepada pekerja-pekerja yang sebahagian besarnya terdiri daripada orang-orang bukan bumiputra yang lebih maju daripada pekerja-pekerja bumiputra dalam bidang ini. Rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan juga memaksa pembelian alat-alat yang sophisticated. Di bidang ini orang-orang bukan bumiputra juga menikmati hasil dan faedah. Selain daripada itu, kita harus juga ingat bahawa secara tidak langsung pula dengan adanya rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan, perniagaan dan perdagangan di bandar-bandar menjadi lebih pesat lagi dan hasil daripadanya muncullah bank-bank, institusi-institusi kewangan, syarikat-syarikat dan sebagainya khususnya syarikat-syarikat yang mengendalikan perniagaan atau perdagangan yang memerlukan ekspertis yang sophisticated dalam mana orang-orang bumiputra, secara umumnya masih jauh ketinggalan belakang. Saya rasa tidak perlulah saya menghuraikan lagi dengan panjang lebarnya tentang lain-lain kemudahan yang juga dinikmati oleh orang-orang bukan bumiputra akibat daripada rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan. Pada hemat saya, perbezaan di antara

faedah-faedah yang dinikmati oleh orang-orang bumiputra dengan orang-orang bukan bumiputra ialah apa yang dinikmati oleh orang-orang bumiputra adalah dilaongkan oleh kerana pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan diberi publisiti sewajarnya sedangkan apa yang turut dinikmati oleh orang-orang bumiputra secara langsung atau pun secara tidak langsung jarang-jarang dilaongkan atau diperkatakan dan "is taken for granted".

Saya harap Yang Berhormat Senator itu sebagai Ahli Dewan yang mulia ini tidak keberatan untuk memberi penjelasan dan keterangan yang saksama kepada orang-orang yang gemar membangkitkan soalan seperti ini yang membawa kesan yang tidak diinginkan dalam usaha Kerajaan memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat.

Saya perhatikan Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel juga ada menyuarakan keraguannya tentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Pada hemat saya apa yang terdapat dalam penjelasan saya kepada Yang Berhormat Senator Kam Woon Wah itu, merupakan jawapan yang dapat membolehkan Senator T. S. Gabriel itu memahami hakikat yang sebenarnya. Saya harap Senator T. S. Gabriel selaku Ahli Dewan yang mulia ini akan menerangkan hakikat sebenarnya kepada pihak-pihak yang telah menyuarakan kesangsian dan keraguan mereka terhadap rancangan-rancangan pembangunan khasnya Dasar Ekonomi Baru. Seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kerajaan akan berusaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad telah mengingatkan Kerajaan supaya tidak mengabaikan negeri-negeri yang berupa maju sebab dengan mengabaikan segala rancangan-rancangan di negeri-negeri tersebut akan menjejaskan ekonomi negara ini. Beliau seterusnya menyatakan bahawa daripada hasil negeri-negeri yang berupa maju itulah akan menyalin hasil mahsul negara persekutuan ini yang dapat membangunkan negeri-negeri yang kurang maju.

Bagi menjawabnya saya suka menegaskan bahawa tujuan Kerajaan ialah memberi bantuan kewangan yang lebih saksama kepada negeri-negeri yang mundur, dan

Kerajaan tidak sekali-kali berniat untuk mengabaikan negeri-negeri yang telah maju. Kerajaan memang sedar tentang hasil mahsul timbul dari negeri-negeri yang maju seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebaliknya pula Yang Berhormat Senator itu perlu juga ingat bahawa negeri-negeri yang dianggap sebagai kurang maju itu juga memainkan peranan dalam ekonomi negara. Misalnya, negeri-negeri yang bahagian besar pengeluarannya terdiri daripada padi seperti Negeri Kedah, menjimatkan wang pertukaran wang asing (foreign exchange) yang juga dinikmati oleh negara keseluruhannya. Di waktu harga beras naik Kerajaan telah memaksa supaya peladang-peladang di Kedah menjual padi dengan harga yang murah supaya orang-orang yang miskin di sebelah selatan tidak ditimpa bayaran yang berat kerana beras yang diimpot telah naik harga begitu tinggi. Ini bermakna kita menyuruh peladang-peladang, petani di Kedah membiayai (subsidi) orang yang lain di tempat yang lain, ataupun dengan perkataan lain, menyuruh orang miskin di Kedah subsidi orang tempat lain.

Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel ada menyeru Kerajaan supaya mempercepatkan pelaksanaan sekim tanggagaji baru bagi anggota-anggota polis seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan tidak berapa lama dahulu. Dalam hubungan ini, sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan telahpun selesai menimbangkan pengujudan sekim tanggagaji baru bagi anggota-anggota polis dan hakikat ini akan diumumkan dalam beberapa hari lagi. Bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa pihak Kerajaan dalam menimbangkan sekim tanggagaji baru bagi anggota-anggota polis juga memberi pertimbangan yang sama kepada anggota-anggota pasukan tentera kita. Keputusan Kerajaan dalam hal ini adalah dibuat dengan memberi penuh perhatian kepada kedudukan keselamatan negara yang pada masa sekarang agak luar biasa sedikit memandang kepada ancaman penganas-penganas kominis. Saya rasa tentulah Dewan ini bersetuju bahawa anggota-anggota pasukan keselamatan kita yang merupakan barisan hadapan (front line) memperjuangkan "survival" kita semua dan menyabung nyawa, patutlah diberi keutamaan dalam menyediakan tanggagaji yang lebih baik.

Untuk menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah Sheik Hussein mengenai kakitangan-kakitangan Kerajaan dan pegawai-pegawai awam yang menjalankan perniagaan, sukalah saya menegaskan di sini bahawa memanglah telah sedia ada peraturan-peraturan yang ketat untuk mengawal kegiatan-kegiatan yang tidak sihat seperti Ahli Yang Berhormat katakan itu.

Pegawai-pegawai Kerajaan adalah dikehendaki melapurkan segala harta mereka termasuk tanah dan pelaburan-pelaburan kepada pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan dan mereka adalah dilarang daripada menjalankan apa-apa usaha perniagaan kecuali setelah mendapat kebenaran.

Peraturan tersebut adalah cukup ketat di mana sekiranya ada terdapat pegawai-pegawai Kerajaan yang gagal mematuhi kehendak-kehendak itu adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Perintah Am Bab "D" 1969.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai kes-kes atau bukti-bukti mengenai perkara ini, silalah lapurkan kepada pihak berkenaan supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil terhadap mereka itu.

Ahli Yang Berhormat Senator Ibrahim Haji Yaacob ada menanyakan bilakah Lapuran Gaji Suruhanjaya Ibrahim Ali akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, masih ada lagi perkara-perkara yang terpaksa dikaji dengan rapi termasuklah perkara mengenai faedah-faedah persaraan serta faktor pencen pesara-pesara. Oleh kerana perkara ini masih lagi dalam kajian maka Kerajaan belumlah dapat membuat keputusan sehingga semua perkara-perkara ini siap dikaji kelak.

Senator Zawiyah Abdullah telah menyentuh mengenai kegiatan-kegiatan Dakwah yang dijalankan oleh penuntut Malaysia di London. Beliau menyatakan bahawa pendapat seorang pendakwah bangsa Pakistan memberi syarahan dalam mana beliau menyatakan bahawa kaum wanita tidak boleh mengambil apa-apa bahagian dalam bidang awam. Bagi menjawab perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator itu pada hemat saya kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh setengah penuntut-penuntut Islam

di London dan juga di bandar-bandar lain di sekitarnya untuk memahami akan ajaran Islam itu adalah menggalakkan. Perkara pendapat di dalam syarahan oleh pensyarah bangsa Pakistan itu adalah sebagai satu pendapat sahaja yang masih juga kedapatan di negara ini. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan dengan kerjasama Majlis Ugama negeri masing-masing sedang berusaha supaya pendapat yang merugikan umat Islam itu diawasi dan diperbetulkan. Pihak Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk memberi bimbingan kepada penuntut-penuntut yang bakal melanjutkan pelajaran keluar negeri seperti ke London atau sebagainya dengan cara diberi kursus ugama sebelum berangkat keluar negeri. Kerajaan juga bercadang hendak mengadakan pegawai-pegawai penasihat ugama di luar negeri di mana kedapatan banyak penuntut-penuntut beragama Islam supaya dengan itu dapatlah penuntut-penuntut ini diberi bimbingan dalam soal keugamaan.

Senator Dasimah Dasir juga menimbulkan perkara yang hampir-hampir sama dan jawapannya adalah seperti di atas.

Yang Berhormat Senator Datuk Ahmad Arshad dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin telah menegur tentang ketiadaan perkara ugama dimasukkan dalam Titah Ucapan Di Raja.

Sungguhpun perkara ugama tidak disebutkan secara spesifik dalam Titah Ucapan Di Raja, tetapi Kerajaan tidak mengabaikan betapa pentingnya perkembangan Ugama Rasmi diusahakan serentak dengan pembangunan kebendaan. Saya rasa Yang Berhormat Senator itu termaklum tentang usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk meninggikan syiar Islam di samping membenarkan kebebasan beragama.

Yang Berhormat Senator Datuk Ahmad Arshad ada juga membangkitkan tentang projek pembinaan Istana Negara yang baru bagi tempat bersemayam Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa memberi keutamaan berkait dengan keperluan-keperluan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, memandang keistimewaan kedudukan Seri Paduka Baginda. Dengan yang demikian,

keadaan Istana Negara sentiasa dalam perhatian Kerajaan. Sementara itu Kerajaan telahpun mengkhaskan sekeping tanah di Jalan Duta untuk dijadikan tapak Istana baru dan pembinaannya akan dilakukan bila tiba masa yang sesuai.

Yang Berhormat Senator Haji Othman Abdullah telah membangkitkan mengenai jumlah haji yang berkurangan pada tahun ini berbanding dengan tahun yang lalu dan keduanya tambang yang dikenakan kepada Jemaah Haji dari Kuala Lumpur ke Jeddah lebih mahal daripada dari Kuala Lumpur ke London. Bagi menjawab soalan Senator Haji Othman Abdullah yang pertama itu terdapat beberapa sebab yang menyebabkan kekurangan Jemaah Haji pada tahun ini. Sebenarnya Yang Berhormat Datuk Seri Haji Kamaruddin telahpun menerangkannya tetapi saya akan mengulangkan juga:

- (i) Pada tahun lalu adalah dijangka Haji Akbar dan dengan itu selain daripada Jemaah-jemaah Haji yang baru pergi menunaikan Haji buat pertama kalinya terdapat juga Jemaah-jemaah Haji yang telah pernah menunaikan Haji pergi sekali lagi;
- (ii) Mulai pada musim Haji tahun ini Kerajaan Arab Saudi telah mengenakan peraturan mengenai pemilihan Syeikh-syeikh Haji dan menamatkan peraturan yang telah dijalankan selama 20 tahun yang lalu di mana Jemaah-jemaah Haji dibenarkan memilih Syeikh-syeikh Haji yang mereka kehendaki. Mengikut peraturan baru itu setiba sahaja mereka di Jeddah Kerajaan Arab Saudi akan menguntukkan Syeikh-Syeikh Haji kepada Jemaah-jemaah Haji itu. Oleh yang demikian, amalan yang selalu dijalankan iaitu memilih Syeikh-syeikh semasa mereka masih lagi berada di Malaysia tidak dapat diamalkan. Dengan peraturan ini telah menimbulkan beberapa masalah besar seperti perpisahan di antara keluarga semasa di Tanah Suci dan tidak ada rumah disediakan oleh Syeikh-Syeikh Haji itu kepada Jemaah-jemaah Haji.
- (iii) Syeikh Haji yang diperuntukkan kepada Jemaah Haji Malaysia adalah terdiri daripada Syeikh-Syeikh Haji yang tidak pernah melayan bakal-bakal Haji daripada rantau Jawi dan dengan

itu mereka tidak dapat mengatur tempat-tempat tinggal dan makan yang sesuai untuk Jemaah Haji kita;

- (iv) Dengan peraturan itu banyak terjadi kehilangan barang-barang Jemaah Haji. Ini disebabkan mereka tidak dapat menaruh nama Syeikh Haji pada barang-barang mereka seperti yang biasa dibuat dahulu;
- (v) Tidak terdapat Syeikh-syeikh Haji yang mereka kenali yang boleh menunggu ketibaan mereka di pelabuhan atau Lapangan Terbang Jeddah.

Maka daripada masalah-masalah itu Jemaah Haji Malaysia yang kebanyakannya belum pernah meninggalkan kampung halaman mereka berasa curiga dan tidak yakin pergi ke Tanah Suci di mana tiada orang yang mereka kenali yang boleh menjamin keselamatan dan tempat tinggal mereka.

Sebagai jawapan kepada perkara yang kedua itu dapatlah dinyatakan bahawa sudah menjadi pengetahuan umum bahawa kapalterbang yang membawa Jemaah-jemaah Haji ke Tanah Suci adalah kapalterbang chartered dan kapalterbang-kapalterbang itu membawa penuh penumpang semasa pergi ke Jeddah tetapi masa balik daripada Jeddah ke Kuala Lumpur kapalterbang itu balik tanpa penumpang. Maka dari sini Jemaah Haji telah membayar perbelanjaan untuk 4 kali penerbangan. Pada hal kalau penerbangan dari Kuala Lumpur ke London mereka adalah melalui jalan udara yang popular di mana penumpang-penumpang sentiasa penuh pergi dan balik. Oleh yang demikian, perbelanjaan yang dikenakan adalah untuk pergi dan balik sahaja iaitu untuk perbelanjaan 2 kali penerbangan sahaja.

Sebagai maklumat tambahan, saya ingin menerangkan bahawa MAS mengenakan pembayaran sebanyak \$1,725 pergi-balik sedangkan perbelanjaan kapalterbang biasa ke Mekah oleh syarikat penerbangan biasa ialah \$2,000 pergi sahaja. Syarikat-syarikat lain yang juga menjalankan "chartered flight" mengenakan bayaran \$25 lebih daripada bayaran yang dikenakan oleh MAS.

Dalam ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Kam Woon Wah, beliau telah menjelaskan bahawa orang-orang asing memiliki kekayaan di dalam negara kita ini

sebanyak 60%. Angka ini telah dikemukakan oleh banyak pihak dan ini telah menimbulkan banyak tandatanya, tetapi saya ingin menerangkan di sini bahawa di dalam kajian yang baru dibuat, kita dapati bahawa bukanlah kekayaan sebanyak 60% yang dimiliki oleh orang-orang asing tetapi angka yang lebih tepat ialah sebanyak 20% daripada "total ownership of investment" di dalam "corporate sector" di dalam negara kita ini. Perkara ini saya berharap Ahli Yang Berhormat tidak mengemukakan dengan begitu sahaja tanpa membuat kajian yang lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penerangan saya terhadap teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan telah mengambil berat tentang perkara-perkara yang ada kaitan dengan Kerajaan negara kita. (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.43 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob khususnya mengenai Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, sukalah saya terlebih dahulu menjawab satu teguran lain berhubung dengan tindakan atau keputusan yang diambil oleh Dewan Rakyat mengenai salah seorang daripada Ahlinya iaitu Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

Yang Berhormat Senator Ibrahim Haji Yaacob telah menegur nampaknya keputusan Dewan Rakyat yang kita tahu adalah mewakili ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat dan adalah hak Dewan Rakyat

memutuskan sesuatu perkara yang mengenai keahlian seorang ahlinya. Di dalam hal ini saya percaya Yang Berhormat Senator itu hanya salah faham kerana sebenarnya mahkamah tidak memberi arahan kepada Dewan Rakyat supaya menghentikan atau menamatkan keahlian Ahli Yang Berhormat dari Menglembu bahkan hanya menghilangkan semula kuasa yang hak kepada Dewan Rakyat supaya membuat keputusan mengenai hal ini dan saya percaya kalau Ahli-ahli Yang Berhormat di sini membaca *Hansard* yang dikeluarkan oleh Dewan Rakyat mengenai perkara ini tentulah tidak timbul salah faham yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran khusus yang dibuat oleh Senator itu, sukalah saya memberi penjelasan terutama sekali menegaskan bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat memang mengambil tindakan yang tegas untuk mewujudkan keadaan harmoni dan keadaan damai di antara majikan-majikan dan pekerja-pekerja. Berkenaan dengan perkara pemogokan pekerja-pekerja Syarikat Selangor Omnibus Berhad yang telah bermula pada 9-4-1976 sebenarnya dengan adanya campurtangan daripada pihak Menteri sendiri, maka mogok kilat (wild cat strike) ini telah dapat ditamatkan dan di dalam perundingan yang diadakan di antara kedua-dua pihak yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri telahpun tercapai beberapa keputusan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak tersebut. Hanya perkara-perkara yang telah dirojokkan kepada Mahkamah Perusahaan sahaja yang belum diputuskan dan ini masih di dalam perundingan antara kedua pihak tersebut. Jadi teguran bahawa Kementerian ini tidak menjalankan kerjanya dengan cekap bolehlah saya nafikan dengan sekeras-kerasnya. Begitu juga berkenaan dengan apa yang dikatakannya masalah pekerja-pekerja lombong daripada Renong Tin dan Lanjut Tin yang telah diberhentikan pekerjaan mereka. Suka saya menjelaskan bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat hanya dapat mengadakan kemudahan-kemudahan untuk membantu pekerja-pekerja itu mendapatkan pekerjaan yang lain dan tidaklah semestinya Kementerian mencarikan pekerjaan bagi orang-orang yang terlibat tadi. Saya faham sikap heroism atau sikap wira yang ditunjukkan oleh Senator itu kerana menurut katanya Senator adalah

mewakili seluruh Malaysia, tetapi di dalam hal ini saya percaya tidaklah adil kalau sesuatu Kementerian dipersalahkan di dalam sesuatu hal yang diluar daripada kebolehan mereka menyelesaikannya.

Berkenaan dengan buruh-buruh yang telah diberhentikan kerja tadi perkhidmatan pekerjaan Kementerian ini telahpun mencuba sedaya-upaya untuk mencari pekerjaan lain kepada mereka tetapi mereka terlebih dahulu dikehendaki mendaftar. Di dalam hal inilah mereka terpaksa menunggu giliran kalau-kalau ada peluang pekerjaan yang terbuka kepada mereka dan peluang itu sebagaimana yang kita tahu adalah sentiasa terbuka dan terpulanglah kepada kebolehan dan kecekapan mereka untuk mendapatkan peluang bekerja untuk menggantikan pekerjaan mereka yang telah ditamatkan itu.

Teguran Yang Berhormat Senator itu terhadap pekerjaan atau terhadap kedudukan Mahkamah Perusahaan saya rasa tidak adil sama sekali kerana ini seolah-olah menyentuh integrity atau kewarasan Mahkamah Perusahaan. Kita sekalian tahu Mahkamah Perusahaan adalah satu mahkamah keadilan dan tidaklah patut dan wajar saya fikir bagi Ahli Yang Berhormat itu menuduh bahawa keputusan mahkamah ini berat sebelah, iaitu semata-mata mementingkan pihak majikan bahkan di dalam beberapa hal yang telah diputuskan oleh mahkamah ini pihak pekerja juga yang mendapat kebajikan daripada keputusannya. Dalam hal itu, suka saya menegaskan bahawa bukanlah setiap pertikaian yang timbul dirojokkan kepada Mahkamah Perusahaan hanya setelah kedua-dua pihak tadi tidak mendapat satu jalan damai yang sesuai yang memenuhi hasrat kedua-dua pihak, maka barulah pihak Yang Berhormat Menteri merojokkan perkara itu kepada Mahkamah Perusahaan.

Teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak Hussin supaya mengharamkan mogok terutama sekali dalam perkhidmatan awam tidaklah begitu berat dipandang walaupun CUEPACS telah memberikan kata dua kepada pihak Kerajaan sekiranya Laporan Ibrahim Ali tidak dilaksanakan pada bulan Julai, 1976. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jentera rundingan damai sedang dijalankan dan ini adalah memadai untuk

menyelesaikan pertikaian termasuk juga sebarang pertikaian yang timbul dalam perkhidmatan awam.

Sekianlah sahaja dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Senator yang telah membuat teguran ke atas Kementerian ini.

5.16 ptg.

(Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ketika membahaskan Titah Ucapan Di Raja beberapa hari yang lalu.

Senator Ibrahim bin Haji Yaacob telah menyentuh berkenaan dengan pemberian lesen-lesen teksi. Beliau mendakwa bahawa ada pemohon-pemohon yang telah membawa teksi antara 10 hingga 16 tahun telah tidak berjaya mendapatkan lesen teksi. Saya tidak menafikan permit teksi yang telah membawa teksi lebih dari 10 tahun telah tidak berjaya mendapatkan lesen teksi. Sungguhpun menjadi dasar Kementerian saya sekarang bahawa keutamaan diberikan kepada pemandu-pemandu teksi yang tidak mempunyai permit sendiri di samping bekas Anggota Pasukan Keselamatan dan Polis apabila menimbangkan pengeluaran lesen-lesen teksi/kereta sewa, Kementerian saya tidaklah dapat memenuhi 100% permohonan-permohonan daripada mereka itu, baik daripada kalangan pemandu-pemandu teksi mahupun bekas-bekas perajurit dan Polis. Pengeluaran permit-permit teksi adalah didasarkan kepada kekosongan-kekosongan yang disyorkan di satu-satu kawasan tertentu dan bilangan ini terlalu terhad jika dibandingkan dengan bilangan permohonan-permohonan yang berlipat ganda banyaknya untuk ditemuduga. Biasanya kalau ada beberapa ratus kekosongan, beribu yang memohon. Oleh yang demikian, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan terpaksa memilih di antara semua pemohon-pemohon itu, pemohon yang paling layak diberikan permit tersebut.

Syor Ahli Yang Berhormat itu supaya pemberian permit teksi mestilah didasarkan mengikut quota-quota yang tertentu adalah kurang jelas dan saya berpendapat bahawa sistem quota seperti itu susah diikuti. Ini

ialah oleh kerana di kalangan orang-orang bumiputra, China dan India juga terdapat mereka yang terdiri dari pemandu-pemandu teksi, bekas askar dan Polis dan lain-lain. Sebaliknya pula di dalam kalangan bekas-bekas askar dan Polis juga adalah terdiri dari semua bangsa. Dasar yang diamalkan sekarang di dalam pembahagian permit-permit teksi/kereta sewa adalah sesuai sungguhpun tidak ada quota ditetapkan tetapi keutamaan diberikan kepada bekas-bekas askar dan Polis dan pemandu-pemandu teksi sendiri yang masih belum mendapat permit mereka sendiri.

Senator Ismail Sheikh Ibrahim telah menyentuh soal bas-bas dari luar mengambil penumpang-penumpang di Semenanjung Malaysia dengan mengenakan bayaran yang lebih murah. Kementerian saya sedar akan adanya bas-bas dari luar negeri (Thailand) yang telah menjalankan perkhidmatan mengangkut penumpang-penumpang tempatan secara haram. Pada masa sekarang siasatan rapi sedang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga pihak Polis supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Kementerian saya juga sedang merancang supaya masalah kemasukan bas-bas Siam ini dapat dibincangkan dengan pihak berkuasa Thailand tidak berapa lama lagi.

Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin pula telah membangkitkan soal projek lebuh raya Kuala Lumpur-Karak. Adalah benar bahawa jalan baru yang akan dibina itu akan hanya mengurangkan jarak jauh antara Kuala Lumpur ke Karak sebanyak 7 batu sahaja, tetapi oleh kerana keadaan alur (alignment) dan geometri jalan yang baru ini adalah jauh lebih baik dari jalan yang ada sekarang, maka tempoh perjalanan yang diambil di antara Kuala Lumpur dengan Karak akan berkurangan juga. Dengan demikian kos kendalian bagi kenderaan-kenderaan juga akan dapat dikurangkan.

Akhirnya, bagi pihak Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat kepada hal ehwal Kementerian saya.

5.21 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, saya

ingin memberi beberapa penjelasan di atas beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian saya yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, terutamanya yang mengenai masalah kebakaran-kebakaran besar yang telah terjadi beberapa ketika dulu, dan juga mengenai tanggungjawab-tanggungjawab anggota-anggota bomba. Dalam hubungan ini, saya sukalah mengulas apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoon Hock yang telah mengulas dengan panjang lebar akan masalah kebakaran ini.

Saya sedar dan telah mengambil perhatian berat terhadap teguran-teguran daripada orang ramai iaitu kelengkapan-kelengkapan dan persiapan-persiapan di dalam Perkhidmatan Bomba di Rancangan Malaysia Pertama dan juga dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua. Ini ialah oleh kerana sebagaimana diketahui bahawa pada masa-masa yang lalu iaitu sebelum 1hb Januari, 1976 Perkhidmatan-perkhidmatan Bomba adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing dan tidak dikelolakan secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan akan memberikan perhatian yang sepenuh-penuhnya untuk membangunkan, menyempurnakan kelengkapan-kelengkapan dalam Perkhidmatan Bomba ini sesuai dengan proses-proses kemajuan yang akan muncul di bidang-bidang perumahan, perusahaan dan kawasan-kawasan kediaman yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itulah dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian saya berharap akan mendapat dan akan membelanjakan sekurang-kurangnya \$35 juta untuk memenuhi rancangan-rancangan pembangunan Perkhidmatan Bomba ini. Bahkan jumlah seperti ini mungkin mustahak ditambah lagi sekiranya kita benar-benar berkehendakkan suatu Perkhidmatan Bomba yang mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang lebih moden dan lebih sempurna untuk mengimbangi kemajuan-kemajuan yang sangat pesat yang akan muncul di dalam rancangan kita.

Untuk mengwujudkan suatu Perkhidmatan Bomba yang memuaskan dan boleh dibanggakan yang boleh dengan cekap dan berkesannya memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan yang segera bagi sesebuah Kotaraya metropolis yang akan berkembang menjadi sebuah Kotaraya yang setanding dengan kota-kota metropolitan yang lainnya di dalam dunia, maka alat-alat kelengkapan saja belum mencukupi, bahkan apa yang lebih-lebih diperlukan lagi ialah suatu pasukan bomba yang lebih ramai dan mempunyai latihan-latihan yang lebih baik, dan ini bermakna secara tidak langsung di dalam beberapa tahun yang akan datang ini kita mesti menambah lagi bilangan anggota-anggota bomba, dan kita juga mestilah memberikan perhatian yang seberat-beratnya kepada nasib dan kedudukan anggota-anggota bomba di seluruh negara.

Atas apa-apa hal pun, saya perlu menegaskan di sini bahawa seluruh masyarakat dan terutamanya penduduk-penduduk dalam bandar-bandar di mana kebakaran-kebakaran teruk sering terjadi, mestilah bersedia untuk memikul tanggungjawab bersama, dan tanggungjawab yang lebih, untuk membantu Kerajaan dalam usaha-usahanya menyempurnakan kelengkapan-kelengkapan dan perkhidmatan bomba seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan datang. Suka saya nyatakan di sini bahawa tindakan Kerajaan Persekutuan mengambil alih kuasa pentadbiran perkhidmatan bomba di seluruh negara daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah dimulai daripada 1hb Januari, 1976 yang lalu, sehingga pada masa ini adalah berjalan dengan lancarnya, sekalipun ada beberapa kerumitan yang belum dapat diselesaikan lagi.

Dalam hubungan ini saya suka juga menyatakan iaitu Pusat Latihan Bomba yang bertempat di Kuala Kubu Bahru yang ada pada masa ini untuk memberi latihan-latihan kepada anggota-anggota bomba dan juga kepada kakitangan-kakitangan pihak swasta yang telah ditubuhkan sejak tahun 1973 adalah sentiasa berkhidmat memberikan latihan-latihan yang berupa teori dan praktikal secara moden dan sesuai dengan kemahuan-kemahuan zaman.

Saya suka juga hendak menegaskan di sini bahawa dalam peristiwa-peristiwa kebakaran yang telah terjadi di beberapa tempat dalam

negara ini pada masa-masa yang akhir ini adalah sesungguhnya telah dihadapi untuk mencegahnya oleh seluruh anggota-anggota bomba kita dengan cergas, bersungguhsungguh dan cukup berani menyabung nyawa mereka demi kepentingan masyarakat untuk menyelamatkan harta benda dan nyawa manusia. Mereka telah menghadapi tugas-tugas mereka dengan penuh cemas dan bahaya dengan segala ketabahan hati mereka.

Dalam kesempatan ini juga saya suka hendak menyatakan di sini satu perkara yang sangat-sangat mustahak untuk mencegah dan mengelakkan kebakaran-kebakaran yang besar terutamanya kepada bangunan-bangunan yang besar dan yang tinggi-tinggi di bandar-bandar besar kelengkapan-kelengkapan dan perkhidmatan bomba saja tidak akan berkesan sekiranya pembinaan bangunan-bangunan itu tidak benar-benar mengambil perhatian yang seberat-beratnya untuk menyesuaikan diri dengan kehendak dan semangat Undang-undang, dalam perkara ini yang telah dikuatkuasakan dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang telah diwartakan pada 26hb Jun, 1975 iaitu Undang-undang kecil Perbandaran (Bangunan) (Pindaan), 1975.

Undang-undang Kecil Bangunan (Building By-Laws) ini juga adalah dikehendaki supaya diterima dan disahkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh Malaysia untuk digunakan dalam semua Penguasa-penguasa Tempatan ataupun Bandar-bandar. Saya suka menerangkan di sini bahawa undang-undang kecil bangunan itu telahpun disediakan oleh Kementerian saya, dan pada masa ini sedang diteliti oleh Jabatan Peguam Negara. Saya berharap, apabila sahaja undang-undang kecil ini diwartakan dalam Warta Kerajaan sedikit hari lagi, maka Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah menerima sepenuh-penuhnya dan mengesahkannya dengan tidak berlengah-lengah lagi.

Merujuk kepada suatu teguran daripada Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Yaacob yang telah meminta Kerajaan membina lebih banyak lagi kedai-kedai bumiputra di Kuala Lumpur oleh kerana didapati sangat kurang kedai-kedai bumiputra pada masa ini, ingin saya menjelaskan bahawa selaras dengan dasar ekonomi baru maka Dewan Bandaraya telah mengambil tindakan untuk membuka peluang-peluang perniagaan

yang lebih besar terutamanya untuk kaum bumiputra dan juga dengan tujuan hendak menyusun semula masyarakat. Pada masa yang lalu, Dewan Bandaraya telah hanya membina kedai-kedai dan gerai-gerai yang kecil dan belum lagi membina kompleks-kompleks perniagaan yang besar. Bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan Bandaraya bercadang hendak membina beberapa kompleks perniagaan yang besar. Kajian-kajian kemungkinan (feasibility studies) sedang dijalankan oleh Dewan Bandaraya.

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan ini yang sepanjang-panjang perbincangan Titah Ucapan Di Raja ini amatlah sedikit membangkitkan ataupun menegur berhubung dengan Kementerian saya iaitu Kementerian Kesihatan. Mungkin ini ialah kerana Ahli-ahli Yang Berhormat berpuas hati dengan kerja-kerja ataupun rancangan-rancangan yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan dalam memberikan perkhidmatan kepada seluruh rakyat jelata di dalam negeri ini. Cuma ada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dasimah Dasir dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin yang telah menyentuh berkenaan dengan kadar bayaran baru hospital yang telah dikenakan oleh Kerajaan baru-baru ini. Ahli-ahli Yang Berhormat bimbang terhadap mereka yang tidak mempunyai kemampuan membuat pembayaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa tujuan utama hospital-hospital ialah bukan untuk mencari wang tetapi memberi perkhidmatan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, memandangkan perbelanjaan yang besar yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan untuk membiayai perkhidmatan perubatan, maka tidaklah menjadi keberatan ataupun tidaklah menjadi luar biasa bagi Kerajaan memohon, meminta dan merayu kepada mereka yang mempunyai kemampuan adalah patut dikenakan pembayaran sebahagian daripada perbelanjaan tersebut. Bagi mereka yang miskin dan tidak mampu membayar, peruntukan ada dibuat di dalam Perintah bayaran tersebut untuk mengecualikan mereka ini daripada dikenakan dari

apa-apa bayaran. Untuk penjelasan lagi, kita menyediakan dua kelas iaitu Kelas 3A dan Kelas 3B. Bagi mereka yang ada kemampuan sedikit diminta dia masuk dalam Kelas 3A dan bagi orang yang tidak mampu maka kita masuk dalam Kelas 3B.

Peruntukan juga dibuat membolehkan doktor-doktor yang menjaga tiap-tiap case mengurangkan bayaran yang dikenakan kepada pesakit-pesakit. Oleh itu, soal golongan miskin tidak dapat membayar dan kemungkinan Kerajaan memberi subsidi seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Razak bin Haji Hussin tidaklah berbangkit oleh kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat . . .

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit tentang orang miskin tadi. Jadi katakanlah seorang perempuan hendak bersalin, dia pergi ke hospital kerana hendak bersalin. Hospital minta deposit, kerana hendak bersalin mesti bayar \$500 deposit. Bagaimana dia hendak mengesahkan yang diri dia itu orang miskin? Adakah dia mesti balik dahulu dapat akuan daripada Pengawa, Penghulu, D.O. menyatakan dia ini miskin, baru dibebaskan ataupun dia boleh terus diterima dan bersalin di situ kemudian wang bayaran itu tidak perlu, ataupun macam mana cara ketentuan yang dia itu miskin, siapa yang hendak mengesahkan?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Untuk penjelasan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan, kalau dia miskin dia hendak beranak, bagi Kelas 3 pada mulanya dimintalah deposit sebanyak \$150, kalau tidak silap saya. Tetapi kita telah mengkaji semula yang bahawa bagi ibu-ibu yang hendak bersalin di kelas 3A kita minta deposit semata-mata dalam \$30 sahaja, kita turunkan daripada \$150 kepada \$30 untuk memberikan perkhidmatan kepada ibu-ibu yang hendak bersalin. Untuk menentukan dia adakah atau tidak kalau dia datang hendak bersalin, memang kita beri dia bersalin dahulu (*Ketawa*). Jadi, dalam masa 24 jam kita dapat menentukan dia sanggup ataupun tidak.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya membangkitkan masalah pembedahan, iaitu pembedahan besar yang dikenakan \$400

sehingga \$700, pembedahan sederhana \$300 hingga \$500 dan pembedahan kecil daripada \$75 hingga \$150. Yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang sakit, katakanlah, barah dalam perut yang Hospital Daerah tidak boleh membuat pembedahan itu dan dia terpaksa dihantar ke Hospital Kuala Lumpur dan apabila pergi ke Kuala Lumpur tentu dia minta tempat yang baik sedikit apabila dia dimasukkan. Apabila selesai pembedahan dia terpaksa dituntut pula pembayaran \$1,000 lebih kerana upah pembayaran pembedahan kepakaran.

Sebagai seorang miskin yang tidak ada wang tentulah akibatnya kadang-kala dia mesti menggadai atau menjualkan tanah untuk menyelesaikan hutangnya. Perkara ini betul-betul berlaku, bukanlah kerana saya mengemukakan masalah yang timbul dalam sepintas lalu. Saya mohon apakah kiranya orang-orang miskin; mendapat pembayaran yang sehabis-habis rendah istillah miskin ini susah kita hendak katakan. Saya sendiri pun, saya memikirkan saya ini miskin, bahkan Tuan Yang di-Pertua memikirkan miskin, sebab yang kaya ini ialah Allah sematamata. Jadi di sinilah minta pertimbangan Kementerian ini supaya memberi jalan yang sebaik-baiknya kepada pembayaran pembedahan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu kalau sudah miskin segala-segalanya ditanggung oleh pihak Kerajaan: mahu bedah atau mahu apa sekalipun, bubuh anggota palsu—sepanjang-panjang yang saya tahu. Walau bagaimanapun, saya akan mengkaji dan akan mengambil ingatan apa yang telah ditegurkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi teguran yang telah dibuat oleh Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah semalam berhubung dengan Timbalan-timbalan Menteri kita yang muda seumpama saya sendiri ini (*Ketawa*) hendak melepaskan batuk ditangga sahaja sewaktu menjawab soalan-soalan di dalam Dewan ini. Yang Berhormat Senator tersebut berasa curiga oleh kerana banyak Timbalan-timbalan Menteri seperti saya sendiri apabila menjawab soalan, saya mengatakan insya Allah. Jadi, kemungkinan Yang Berhormat itu memikirkan bahawa jawapan insya Allah itu tidak betul ataupun tidak begitu serious.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, dan bagi kawan-kawan saya Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri yang muda-muda, itulah jawapan yang sesuai sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang kami anggap bukan budak-budak dalam Dewan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat kami anggap ialah bapa bagi kami di dalam Dewan ini (*Tepuk*). Sebagaimana yang kita tahu sebelum daripada Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri datang ke Dewan ini untuk menjawab satu-satu soalan, pada awalnya Timbalan-timbalan Menteri sendiri mengumpulkan pegawai-pegawai yang berkenaan bertanya, minta penjelasan apa yang belum jelas dan selepas itu bawa lagi ke Dewan ini, di hadapan sana adalah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kepada Menteri-menteri yang datang ke sini untuk memberi jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, maka saya menolak dengan kerasnya mengatakan bahawa kami anggap Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai budak-budak.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan tidak seriousness Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri ini oleh kerana menjawab insya Allah, dijawab masuk dalam Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat. Kebetulanannya, semalam saya yang mengatakan saya masukkan rancangan Hospital Bachok itu di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Apa yang saya jawab itu adalah bukan untuk meluah batuk di tangga bahkan ini adalah fact yang saya jawabkan. Oleh kerana kita telah memikirkan bahawa negeri Kelantan itu adalah sebuah negeri yang telah dianggap backward dalam soal perkhidmatan kesihatan yang seluruh dunia tahu Kelantan, Kedah, Trengganu, Pahang yang sebelah barat bukan Pahang yang sebelah Timur. Oleh itu, untuk rancangan kesihatan di negeri Kelantan ini, sekarang kita tahu bahawa di negeri Kelantan cuma ada dua buah hospital, satu Hospital Kota Bharu dan kedua Hospital Daerah di Kuala Krai. Oleh kerana di dalam Rancangan Malaysia Kedua ini untuk melebarkan dan meluaskan perkhidmatan kesihatan, kita telah membangunkan sebuah hospital besar di Kota Bharu yang akan menelan belanja tidak kurang \$30 juta lebih. Di samping itu sebuah lagi hospital daerah telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua di Tanah Merah dan di samping itu di dalam Rancangan Malaysia Kedua—kita telah juga meluaskan sebuah hospital lagi di Pasir Mas.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga di peringkat Kementerian telahpun meluluskan dua buah lagi hospital di negeri Kelantan iaitu satu di Tumpat dan yang kedua di Pasir Puteh. Oleh kerana Bachok kedudukannya amatlah dekat kalau dibanding dengan tempat-tempat yang lain, ada kemungkinan Ahli Yang Berhormat mengatakan Bachok adalah tempat yang lebih dekat, tetapi Bachok kedudukannya adalah di tengah antara Pasir Puteh dengan Kota Bharu maka diperlambatkan sedikit. Walau bagaimanapun, kita tidak menghampakan penduduk-penduduk di Bachok dalam mendapat rawatan yang baik daripada pakar-pakar perubatan di dalam negeri Kelantan. Oleh kerana kalau kita sudah tubuhkan di Pasir Puteh dan satu hospital besar di Kubang Krian, Kota Bharu, maka orang yang dekat dengan Kubang Krian akan datang ke Kubang Krian dan orang yang dekat dengan Pasir Puteh akan pergi ke Pasir Puteh. Ini berdasarkan kepada

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Saya tidak hendak membela saudara saya, sekalipun dia tidak ada di sini, tetapi saya cuma minta sedikit sahaja penjelasan. Saya faham bahawa Yang Berhormat ini ialah Menteri yang muda, bila muda itu muda semua sekali. Perkara yang diminta makluman begini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sesuatu rancangan itu tidak ada disebut rancangan keempat sedangkan rancangan yang kedua belum habis. Kita akan menghadapi rancangan ketiga. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa di Bachok akan dijadikan di dalam rancangan keempat sedangkan tempoh kita lima tahun sahaja. Jadi biarlah jawapan itu menasabah dapat diterima. Saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam Dewan ini faham bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri ini muda bentuk badannya, tetapi tua dalam pengalaman. Jadi, pengalaman yang tua itulah digunakan untuk memudahkan orang tua di dalam Dewan ini. (Ketawa)

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya begini. Oleh kerana rancangan ini ialah rancangan, maka dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua apa yang kita buat dan dalam Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga apa yang kita akan buat, itulah maknanya rancangan. Membuat hospital bukan boleh macam membuat rumah kecil tetapi rumah besar.

Itulah sahaja penjelasan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang telah memberi perangsang kepada saya sebagai Timbalan Menteri Kesihatan untuk menunaikan kewajipan saya dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan dalam Malaysia ini.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Hajjah Tom Saudah yang telah membangkitkan perkara mengenai harga rumah yang dibina oleh UDA dan badan-badan lain banyak melebihi \$28,000 se yunit. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri telah menjawab mengenai soalan yang sama semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 tahun lalu, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu bahawa harga rumah dari setengah-setengah daripada projek perumahan yang dibina oleh badan-badan tertentu adalah mahal dari segi konsep perumahan kos rendah. Pihak berkenaan itu ada mempunyai sebab masing-masing apabila melancarkan projek-projek perumahan itu. Faktor-faktor seperti kekurangan tanah, kemampuan bakal pembeli-pembeli, bilangan pembeli-pembeli serta harga pasaran rumah-rumah swasta berdekatan mungkin menjadi asas mereka semasa menetapkan harga rumah-rumah mereka itu. Ada Badan-badan Berkanun yang tertentu seperti UDA yang sememangnya melaksanakan antara lain projek-projek perumahan yang bertujuan untuk menampung keperluan golongan rakyat yang berpendapat sederhana dan lebih kerana golongan ini juga memerlukan rumah-rumah bersesuaian dengan pendapatan mereka. Namun demikian, pihak UDA dan perbadanan-perbadanan yang lain telah diarah supaya melaksanakan projek-projek perumahan untuk golongan pendapatan kecil dan perkembangan ini dijangka dapat memberi hasil yang positif dalam masa yang singkat kelak.

Bagi rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah untuk golongan rakyat berpendapatan rendah Kementerian ini ada menetapkan syarat mengenai had harga rumah yang dikehendaki dipatuhi jika rancangan-rancangan tersebut dilaksanakan oleh

Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi mereka melalui bantuan atau pinjaman dari Kerajaan Pusat. Umpamanya, dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua dahulu projek-projek yang mengandungi kos rumah \$7,500 se yunit dan ke bawah sahaja yang telah diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan bagi Semenanjung Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini Kementerian ini telah mendapat persetujuan dari Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek perumahan khususnya bagi golongan rakyat berpendapatan rendah dengan kos antara \$5,000 hingga \$7,500 se yunit. Adalah dijangka peruntukan yang lebih besar akan diperolehi oleh Kementerian Perumahan untuk rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjawab gesaan Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik supaya diadakan Undang-undang menentukan pemaju-pemaju perumahan swasta melaksanakan sekurang-kurangnya 30% rumah kos rendah. Yang Berhormat tentu teringat pada satu ketika di tahun lepas Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang dikasihi ada membuat seruan kepada pihak swasta supaya menggabungkan diri dengan usaha-usaha Kerajaan membantu membina rumah-rumah kos rendah untuk golongan rakyat berpendapatan rendah. Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan telahpun menyahut seruan tersebut dengan mengemukakan cadangan-cadangan untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan andainya peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Kerajaan dapat dipatuhi olehnya. Persatuan tersebut telah membayangkan yang ianya sanggup mendirikan lebih kurang 10,000 yunit rumah di Wilayah Persekutuan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Suatu sekim perumahan perintis sedang dilaksanakan di Cheras, Kuala Lumpur oleh Housing Developers Association Perumahan Berhad iaitu sebuah anak syarikat yang dipunyai oleh sebilangan ahli Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan Malaysia dengan kerjasama Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Terdapat juga tanda-tanda yang menunjukkan bahawa persatuan tersebut ada berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengemukakan cadangan-cadangan mendirikan rumah-rumah kos rendah dinegeri-negeri. Adalah diketahui juga bahawa beberapa pemaju-pemaju perumahan perseorangan samada

dengan usaha sendiri atau kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri atau Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri telahpun mengemukakan cadangan-cadangan mereka untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan. Pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri telah diminta supaya menghubungi Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, jika ada satu cadangan daripada pihak swasta mengenai rancangan perumahan kos rendah agar penyelarasan tindakan ke atasnya dapat diambil. Oleh kerana terdapat bukti yang menunjukkan bahawa pihak swasta telahpun menunjukkan kesanggupan mengambungkan dirinya dengan usaha-usaha Kerajaan bagi membina rumah-rumah kos rendah, maka adalah dianggap tidak perlu bagi Kerajaan Persekutuan mewujudkan peraturan-peraturan seperti disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mensyaratkan pemaju-pemaju perumahan membina rumah-rumah kos rendah membantu golongan berpendapatan rendah.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi dalam usaha menitikberatkan soal mendirikan rumah-rumah kos rendah, Kementerian ini dijangka mendapatkan peruntukan yang lebih besar dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan bahawa penyertaan pemaju-pemaju perumahan swasta dan rancangan perumahan kos rendah itu merupakan hanya satu daripada strategi yang akan dilakukan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga untuk mengatasi kekurangan rumah-rumah bagi golongan pendapatan rendah.

5.53 ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara meliputi Kementerian saya dan di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk menjawab perkara-perkara dan teguran-tuguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam masa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Yaacob. Perkara yang

utama oleh Yang Berhormat bertanya mengapa harga kebanyakan barang-barang di Malaysia bertambah naik dan mengapa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak dapat mengawal kenaikan tersebut. Saya rasa Ahli Yang Berhormat telah lari daripada kenyataan yang benar, kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin boleh akui, negara Malaysia adalah saya rasa dalam masa kita mengalami keadaan inflasi yang teruk di seluruh dunia, negara Malaysia adalah bernasib baik.

Keadaan inflasi dan kenaikan harga barang, khususnya barang-barang keperluan kalau dibandingkan dengan keadaan kedudukannya di negara-negara lain tidak payah jauh, tetapi dengan keadaan-keadaan yang kita telah ketahui wujud di negeri-negeri yang berdekatan. Keadaan negara kita dari segi inflasi, dari segi kenaikan harga barang-barang adalah lebih baik lagi, hinggakan pada masa ini kadar inflasi pada awal dan pertengahan tahun 1975 adalah meningkat kepada 18% dan sekarang dengan kerana tindakan-tindakan serta langkah yang tegas diambil oleh Kerajaan telah dapat menjunam turun kepada kadar 4.5% sahaja. Ini saya rasa adalah satu kejayaan yang baik yang saya di sini mengambil kesempatan menyatakan kita cuma boleh capai kejayaan ini dengan kerjasama penuh daripada rakyat di dalam negara kita ini. Tindakan yang saya sebutkan tadi, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu termaklum tindakan sebagai langkah yang diambil oleh Kerajaan membelanjakan wang yang banyak sekali membayar subsidi kepada barang-barang keperluan seperti gula, minyak, susu, baja dan sebagainya pada masa yang lepas.

Saya tidak ada mempunyai angka yang tepat, tetapi setakat yang saya tahu, Kerajaan telah membelanjakan tidak kurang daripada \$600-\$700 juta sebagai bayaran subsidi kepada barang-barang keperluan khususnya supaya mengelakkan bebanan yang mungkin boleh dipikul oleh rakyat dengan harga barang-barang ini naik melambung tinggi selaras dengan keadaan kenaikan harga barang-barang yang sama di negeri-negeri lain ataupun di pasaran dunia. Jadi dengan tindakan tegas semacam ini yang diambil oleh Kerajaan secara membayaran subsidi yang begitu banyak dan dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan mengadakan berbagai-bagai peraturan,

undang-undang tindakan mengawal perbekalan dan harga barang-barang dalam negara ini, terutamanya barang-barang perlu, maka kita bukan sahaja dapat mengeneipkan tekanan hebat dari segi kenaikan harga barang-barang, bahkan sebagaimana yang saya telah katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita telah dapat menurunkan kadar inflasi daripada 18% pada pertengahan tahun 1975 kepada 4.5% sahaja pada masa ini. Ini patut kita bersyukur memandangkan bahawa ada di negara-negara yang lain di dunia sekarang ini dalam mana kadar inflasi masih lagi pada peringkat 16%-17% dan sehingga ada satu negara saya tahu melambung naik kepada 24% kadar inflasi. Tetapi, alhamdulillah, dengan tindakan tegas daripada Kerajaan dan dengan kerjasama rakyat keseluruhannya, kita telah dapat mengawal tekanan inflasi yang buruk ini dan telah berjaya menurunkan kadar inflasi itu hingga kepada sekarang ini 4.5%. Kita berdoa juga kepada Allah subhanahu wa taala dengan kadar ekonomi sekarang pulih semula, sebagaimana pada masa 3-4 tahun dahulu, insya Allah, kita juga mungkin akan dapat menurunkan kadar inflasi setakat 4.5% yang sekarang ini kepada angka yang agak lebih rendah daripada ini.

Kenaikan harga barang-barang tersebut adalah disebabkan oleh kenaikan sebagaimana yang saya katakan tadi iaitu harga kos pengeluaran, kenaikan harga tambang perkapalan dan juga oleh kerana kekurangan bekalan barang-barang tersebut jika dibanding dengan permintaan. Keadaan harga barang dalam negara adalah bergantung banyak kepada keadaan ekonomi di negara-negara, terutamanya negara-negara lain, khususnya negara-negara yang membangun dalam mana kita masih bergantung banyak dari segi bekalan jentera, mesin untuk menjayakan rancangan-rancangan pembangunan kita. Oleh kerana keadaan inflasi di negara membangun di Eropah dan Jepun umpamanya, dengan keadaan harga barang-barang di negara-negara tersebut yang kita perlukan itu melambung naik tinggi oleh kerana kita membayar harga barang itu dengan harga yang lebih mahal daripada masa yang lepas, sudah tentu ini akan mengakibatkan kenaikan juga barang-barang yang lain. Ini juga adalah sebagaimana Ahli Yang Berhormat tahu mempunyai chain reaction, reaksi yang berekoran. Naiknya barang-barang keperluan yang kita perlukan,

sudah tentu barang-barang lain akan naik juga. Bagi Malaysia, bekalan barang-barang kepada pengguna-pengguna adalah didapati dari dua sumber iaitu:

- (i) Barang-barang yang diimport dari luar negeri; dan
- (ii) Barang-barang yang dikeluarkan pengilang-pengilang tempatan.

Bagi barang-barang yang diimport langsung dari luar negeri, Kementerian saya tidak dapat mengadakan apa-apa kawalan ke atas kenaikan harganya, oleh kerana ini adalah tergantung kepada kos pengeluaran di negara-negara pengeluar dan juga faktor-faktor bekalan dan permintaan dunia. Bagi barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan yang diluluskan oleh Kementerian saya, mereka telah dikenakan syarat supaya tidak menaikkan harga barang-barang keluaran mereka tanpa mendapat kelulusan bertulis dari Kementerian saya terlebih dahulu. Ini kita telah laksanakan dengan tegas dan kita memberitahu kepada pihak-pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab mengeluarkan barang-barang keperluan itu bahawa barang-barang ini kita hanya benarkan naik, kalau sekiranya pihak Kerajaan dihubungi terlebih dahulu dengan pihak firma memberi bukti-bukti kenyataannya yang memuaskan bahawa ada sebab-sebab yang menasabah bagi harga barang-barang pengeluarannya itu yang dikawal oleh kita dinaikkan daripada biasa. Oleh yang demikian, pengilang-pengilang tempatan tidaklah dapat berbuat sesuka hati bagi menaikkan harga barang-barang keluaran mereka. Sekiranya kenaikan harga barang-barang tersebut adalah diperlukan oleh kerana kenaikan kos harga pengeluaran, barulah mereka boleh diberi kebenaran untuk menaikkan harga barang-barang yang telah dikeluarkan.

Bagi menimbang permohonan-permohonan dari pengilang-pengilang tempatan untuk menaikkan harga barang-barang keluaran mereka, sebagaimana mungkin Ahli Yang Berhormat maklum, sebuah Jawatankuasa Mengkaji Semula Harga-harga telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan diwakili oleh beberapa Kementerian dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain yang berkenaan, termasuk juga seorang wakil dari Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan. Jawatankuasa tersebut adalah bertanggungjawab untuk membuat kajian mendalam

mengenai permohonan-permohonan yang diterima sebelum membuat perakuan kenaikan harga kepada Kerajaan. Sekiranya permohonan untuk kenaikan harga tersebut didapati tidak menasabah, maka permohonan tersebut akan ditolak, sebagaimana telah dilakukan di dalam beberapa perkara. Sukalah juga saya nyatakan di sini bahawa dalam membuat pertimbangan ke atas permohonan kenaikan harga, Kementerian saya bukan sahaja meneliti keperluan pengilang-pengilang tempatan tetapi juga keperluan pengguna-pengguna di negara ini oleh kerana itu Kementerian saya sentiasa memberi perhatian dan pertimbangan yang seberat-beratnya ke atas semua pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pihak wakil pengguna-pengguna.

Ahli Yang Berhormat itu juga bertanya mengapa kebanyakan perindustrian ditumpukan di Petaling Jaya ataupun di bandar-bandar besar sahaja dan tidaklah menjadi tujuan, kata Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menubuhkan perusahaan-perusahaan di kawasan-kawasan kurang maju supaya kemajuan dalam bidang ini dapat diseimbangkan. Sebenarnya perkara ini bukanlah pertama kali disuarakan tetapi telah disuarakan juga di Dewan Negara ini dan juga di Dewan Rakyat dan di tempat-tempat di mana saya berpeluang mengadakan pertemuan dengan rakyat jelata, dan saya sukalah menyatakan sekali lagi bahawa satu daripada teras dasar perindustrian negara sekarang ini ialah untuk menyelaraskan atau memperkembangkan kilang-kilang perusahaan ke kawasan-kawasan yang kurang maju dengan tujuan mengadakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk desa dan juga untuk menseimbangkan kemajuan sosio-ekonomi di seluruh negara. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan lebih banyak lagi kilang-kilang perusahaan didirikan di kawasan-kawasan yang kurang maju, umpamanya dengan mengadakan galakan-galakan khas seperti locational incentive dan pengimbangan insentif ataupun galakan-galakan yang lain yang juga lebih lumayan baik daripada galakan-galakan yang biasa diberi kepada kilang-kilang yang telah wujud di kawasan-kawasan yang membangun seperti Kuala Lumpur, Taiping, Pulau Pinang untuk memberi galakan khusus kepada pengilang-pengilang yang ingin dan mahu membawa

kilangnya ke kawasan-kawasan yang kurang maju. Dalam pada itu Kerajaan-kerajaan Negeri adalah memberi perhatian yang besar kepada memajukan lebih banyak lagi kawasan-kawasan perindustrian dengan mengadakan kemudahan-kemudahan asas dalam usaha menarik lebih banyak lagi kilang-kilang perusahaan ke kawasan-kawasan kurang maju. Rancangan bagi memperkembangkan perindustrian ke kawasan-kawasan yang masih kurang maju di bidang ini akan lebih lagi dipergiatkan selaras dengan hasrat dan azam Kerajaan supaya tekanan yang lebih berat dari segi pembangunan akan diberi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kepada negeri-negeri yang kurang maju.

Walau bagaimanapun dari segi perangkaan, sukalah saya menyatakan kemajuan telahpun dicapai setakat ini. Daripada 491 buah projek perusahaan yang telah diluluskan dalam tahun 1975, 297 buah ataupun 57.9% daripada projek ini telah diluluskan untuk ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Ini jika dibandingkan dengan peratus yang kurang bagi tahun 1974 adalah menunjukkan satu kejayaan dalam usaha Kerajaan untuk membanyakkan lagi bilangan kilang-kilang perusahaan yang didirikan di kawasan-kawasan kurang maju. Dan dengan adanya sebagaimana saya kata tadi, dasar rancangan-rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi kita memperbaiki kedudukan negeri-negeri yang kurang maju pada masa kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga, saya memandangkan satu masa depan dengan penuh harapan bahawa bilangan-bilangan kilang perindustrian yang akan diwujudkan dan didirikan di kawasan kurang maju akan bertambah banyak lagi daripada masa sekarang.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah menyentuh Kementerian Pertahanan terutama tentang kematian 11 orang perajurit kita pada 26hb April yang lalu.

Terlebih dahulu seperti Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk bersama menyatakan perasaan sedih saya

dan penghargaan saya yang sangat tinggi kepada 11 orang perajurit kita yang telah terkorban akibat kemalangan helikopter pada hari Isnin yang lalu ketika menjalankan tugas operasi menentang pengganas-pengganas di kawasan Gubir di negeri Kedah. Mereka terkorban dalam tugas iaitu tugas mengenai keselamatan negara. Pengorbanan nyawa yang telah mereka lakukan itu sewajarnya disanjung tinggi oleh setiap rakyat yang taat setia kepada negara ini. Pengorbanan mereka ini hendaklah menjadi tauladan kepada kita semua supaya kita bersama-sama berganding bahu dan menguatkan azam dan tindakan-tindakan kita di dalam menentang musuh yang sedang cuba untuk mengancam kemerdekaan, keamanan dan kesejahteraan negara kita ini dan bukan hanya setakat melafazkan perpaduan rakyat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terkorban itu seperti rakan-rakan perajurit mereka yang juga perajurit kita bertugas sehingga menyabung nyawa untuk mempertahankan tanahair untuk menjamin kedaulatan negara. Mereka tidak meragukan perpaduan dan kedaulatan negara. Mereka tidak juga meragukan lambang-lambang perpaduan dan kedaulatan negara. Mereka tidak menyoal perlunya Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan untuk perpaduan atas alasan-alasan seperti bahasa Inggeris digunakan untuk perundingan mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih bahawa masih ada di kalangan kita yang masih memberi berbagai alasan kerana tidak bertutur di dalam bahasa Malaysia, seperti sebab-sebab teknikal, masakan apabila ditegur di dalam Bahasa Malaysia boleh pula faham dan menjawab balik di dalam Bahasa Malaysia, sedangkan terdapat di kalangan rakyat-rakyat kita seperti perajurit-perajurit yang berjuang sehingga gugur untuk mempertahankan kedaulatan negara yang bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua, kepada anak isteri dan keluarga perwira-perwira yang gugur dan yang dibanggakan itu, saya ucapkan takziah dan berharap mereka dapat bersabar menempuh peristiwa sedih dan penuh derita ini dan sama-samalah kita perbanyakkan doa untuk roh mereka yang terkorban. Mereka tidak keseorangan dalam merasai kesedihan ini.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin bin Haji Yaacob, Senator T. S. Gabriel dan Senator Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan telah mengesyorkan supaya gaji dan kemudahan-kemudahan yang berpatutan diberi kepada anggota-anggota tentera kita. Perkara ini memangnya adalah sentiasa dalam perhatian Kementerian Pertahanan. Pada masa sekarang kajian atas tanggaji dan elaun-elaun yang dibayar kepada anggota-anggota Angkatan Tentera sedang dijalankan. Dalam menentukan tentang kajian dan elaun-elaun yang dibayar kepada anggota-anggota Angkatan Tentera kita, segala faktor-faktor istimewa berkaitan dengan bidang tugas mereka adalah diambil kira.

Yang Berhormat Senator Abdul Rahim bin Abdul Manan juga telah membangkitkan perkara-perkara alatan-alatan dan senjata yang digunakan oleh pasukan tentera kita yang mana kata beliau adalah tidak begitu sesuai. Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja sesuatu alatan atau senjata dibeli bagi kegunaan Angkatan Tentera kita, ujian-ujian untuk menentukan mutu, kecekapan dan kesesuaian kegunaannya dalam keadaan tempatan adalah dijalankan. Pembelian tidak dibuat berdasarkan kerenganan atau kecantikan senjata tersebut itu sahaja dan keputusan muktamad atas jenis kelengkapan atau senjata yang patut dibeli hanya dibuat selepas semua pihak yang terlibat berpuas hati dengan alat kelengkapan yang hendak dibeli itu. Angkatan Tentera kita telah menghadapi sedikit kerumitan dalam penggunaan senapang jenis yang tertentu yang telah dibeli dahulu. Walau bagaimanapun, pembekalnya telah bersetuju untuk memperbaikinya dan kerja-kerja ubahsuai telahpun dijalankan. Mengenai kesukaran-kesukaran yang dikatakan sedang dihadapi oleh anggota-anggota tentera yang memandu kereta-kereta kebal, Kementerian ini tidak sedar tentang adanya apa-apa aduan mengenainya, tetapi saya sedar atas adanya kesulitan yang dihadapi kerana keadaan-keadaan dan tempat-tempat digunakan kereta-kereta ini adalah bertukar daripada semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, kereta-kereta ini digunakan bagi keperluan-keperluan yang sesuai dengan kebolehan pada masa ini.

Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah mencadangkan supaya Kerajaan mengeluarkan suatu surat peke-

liling kepada tiap-tiap satu Kementerian, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Separa Kerajaan mengarahkan supaya permohonan daripada bekas-bekas perajurit baik untuk pekerjaan, mahupun untuk tanah atau lesen dan sebagainya hendaklah diberi keistimewaan. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dalam usahanya untuk membantu bekas-bekas perajurit mendapat pekerjaan di dalam bidang Kerajaan, Separa Kerajaan dan Badan Berkanun telah mengeluarkan surat pekeliling perkhidmatan Bil. 19/1975 yang bertajuk "perlantikan bekas anggota-anggota tentera ke dalam perkhidmatan awam". Surat pekeliling tersebut telahpun menetapkan beberapa kelonggaran yang boleh diberi dalam pengambilan bekas-bekas perajurit untuk berkhidmat dalam Jabatan Kerajaan, Separa Kerajaan itu. Surat pekeliling yang tersebut juga mempunyai peruntukan yang mana menetapkan jawatan-jawatan tertentu yang mesti diisi oleh bekas perajurit mengikut peratus yang ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Dasimah Dasir telah mencadangkan agar pemuda-pemuda yang berkelulusan Darjah 6 diambil berkhidmat di dalam angkatan bersenjata untuk mengelakkan mereka ini daripada terjerumus ke dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat atau terpedaya dengan propaganda komunis. Kementerian Pertahanan sebenarnya sudahpun mengambil 500 orang pemuda kelulusan Darjah 6 untuk berkhidmat di dalam pasukan infantry tentera kita sebagai kes ujian, mereka sekarang ini adalah sedang menjalankan latihan di Pusat Latihan Rekrut di Port Dickson dan akan mula berkhidmat dalam Angkatan Tentera dari bulan Ogos tahun ini.

Laporan-laporan yang diterima berkenaan dengan kemajuan mereka adalah sangat-sangat memuaskan, memandangkan hal ini maka bahagian yang bertanggungjawab di Kementerian Pertahanan sedang menyediakan Kertas Kerja yang mencadangkan agar syarat ilmiah yang diperlukan untuk memasuki tentera sebagai rekrut dikurangkan daripada telah menduduki Tingkatan Tiga kepada lulus sekurang-kurangnya Darjah 6 untuk pasukan infantry atau jalan kaki. Apabila Kertas Kerja ini siap kelak, perkara ini akan ditimbang oleh Kerajaan dan dasar am yang sesuai akan ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub telah juga mencadangkan agar Kerajaan memberi

faedah-faedah yang berpatutan kepada anggota-anggota yang cedera dan juga kepada keluarga mereka yang terkorban semasa dalam menjalankan tugas gerakan. Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan pencen dan ganjaran yang berkuatkuasa dalam Angkatan Tentera pada masa sekarang membolehkan balu anggota-anggota Angkatan Tentera yang terkorban menerima pencen bulanan seumur hidup atau sehingga berkahwin semula. Selain daripada pencen bulanan ini, ganjaran adalah juga dibayar. Kerajaan juga memberi bantuan pelajaran kepada anak-anak anggota-anggota tentera yang meninggal dunia semasa dalam menjalankan tugas. Bantuan pelajaran ini bolehlah diberi sehingga ke peringkat Universiti, jika perlu.

Selain daripada bayaran-bayaran mengikut peraturan-peraturan pencen dan ganjaran Angkatan Tentera, anggota-anggota tentera yang terkorban semasa menjalankan tugas operasi adalah juga diberi sagu hati sebanyak \$10,000 untuk menampung keperluan serta-merta mereka ini. Bagi mereka yang cedera parah ganjaran sebanyak \$2,000 adalah juga diberi, wang sagu hati \$300 adalah dibayar kepada mereka yang mendapat cedera ringan. Bantuan kebajikan daripada Tabung Perwira Negara adalah juga diberi kepada keluarga anggota-anggota tentera yang meninggal dunia akibat menjalankan tugas operasi atau tugas rasmi.

Saya sedar atas masih adanya perasaan tidak puas hati tentang istilah mati disebabkan oleh menjalankan tugas dalam operasi dan sebagainya. Perkara ini sedang dipertimbangkan dalam kajian semula tanggagaji bagi Angkatan Tentera kita. Kesemua sagu hati dan bantuan yang diberikan itu adalah untuk menampung dan membantu keluarga atau tanggungan perajurit-perajurit yang terkorban bagi menentukan bahawa masa hadapan mereka tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang lain yang tidak dapat saya ulaskan adalah diambil perhatian.

6.19 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah me-

negur dan membuat cadangan mengenai Jabatan-jabatan Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Yang Berhormat Senator Ismail Sheikh Ibrahim telah menimbulkan perkara yang bertanya mengapakah satu undang-undang yang diperbuat bagi menjamin suasana yang baik antara pihak yang berkenaan iaitu Akta Penanam Padi Mengawal Sewa dan Menyewa Tanah tidak diterima dengan sebaik-baiknya. Akta Penanam Padi Mengawal Sewa dan menyewa Tanah dan Menjamin Pemegangan, 1967 adalah bertujuan untuk mengawal banyaknya sewa yang boleh dikenakan oleh pihak tuan tanah dan juga menjamin bahawa sesuatu tanah padi yang diusahakan oleh seseorang penyewa itu dapat dikerjakannya dalam tempoh yang ditentukan. Pada masa ini sebanyak 7 buah negeri di Semenanjung Malaysia telahpun menerima dan melaksanakan Akta ini. Negeri-negeri tersebut ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Trengganu dan Kelantan.

Semenjak tahun 1970 hingga tahun 1975 sebanyak 6,187 perjanjian sewa telah didaftarkan. Angka ini adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah penyewa tulin yang terdapat di negeri-negeri tersebut. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan pendaftaran perjanjian adalah seperti berikut:

Pertalian kekeluargaan di antara tuan tanah dan penyewa itu. Sebagaimana yang diketahui, masyarakat tani adalah terikat dengan tali kekeluargaannya dan dalam konteks ini banyak tuan tanah dan penyewa tergolong dalam satu ikatan kekeluargaan seperti ayah dengan anak; abang dengan adik dan sebagainya. Jadi adalah susah bagi mereka untuk menerima Akta ini, kerana dengan penerimaannya kemungkinan ianya ada menyentuh ataupun merenggangkan ikatan keluarga tersebut.

Selain daripada itu tanah yang masih dalam kuasa iaitu di mana tuan tanah yang berdaftar telah meninggal dunia dan di mana perbincangan untuk menyelesaikan pembahagian harta pesaka masih belum diselesaikan, perjanjian sewa tidak boleh didaftarkan oleh kerana ianya tidak mempunyai pemilik yang sah.

Satu lagi faktor ialah tanah-tanah dalam caveat iaitu di mana seseorang yang bukan tuan tanah yang berdaftar tetapi mempunyai kepentingan di atas tanah berkenaan. Surat perjanjian sewa atas tanah tersebut tidak boleh didaftarkan oleh kerana tegahan ataupun larangan caveat itu.

Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah yang baharu sahaja mengambil alih tugas-tugas mengimplimentasikan Akta ini iaitu mulai daripada bulan Februari, 1975 telahpun sedar akan adanya kelemahan-kelemahan dan masalah-masalah yang dihadapi yang menyebabkan kurangnya penerimaan Akta ini di kalangan tuan tanah dan ahli-ahli penyewa. Oleh yang demikian, berdasarkan laporan-laporan yang dibuat oleh pihak MADA dan Universiti Sains Malaysia dan juga masalah-masalah yang dilaporkan oleh pegawai-pegawai Kementerian ini yang bertugas di negeri-negeri tersebut, beberapa pindaan kepada Akta sedang diusahakan di samping menyelesaikan masalah yang lain. Adalah diharapkan setelah pindaan ke atas Akta ini dilakukan dan masalah-masalah harian diselesaikan, maka Akta ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim juga ada membangkitkan masalah membayar hasil dan juga bagi menentukan hak masing-masing di atas tanah yang dipegang oleh lebih daripada seorang. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, hasil yang dikenakan dan dipungut adalah berasas kepada sekeping tanah secara keseluruhannya. Maka terpulangnya kepada tuan-tuan tanah itu sendiri berpakat diantara mereka untuk menjelaskan hasil tanah tersebut kerana Kerajaan tidak dapat menerima bayaran hasil yang berasingan daripada tuan-tuan tanah itu. Tuan-tuan tanah ini cuma berhak di atas sebahagian ataupun syer sahaja yang tidak dapat ditentukan di atas tanah tersebut.

Perintahan di atas tanah yang selalu dibuat oleh tuan-tuan tanah itu adalah dibuat dengan jasa pakatan diantara mereka secara bersendirian diluar kehendak undang-undang tanah. Dalam perkara ini, kita berpendapat satu jawatankuasa tidaklah perlu untuk mengkajinya

kerana kalau tuan-tuan tanah ini tidak lagi bersetuju dengan pakatan yang dijalankan di antara mereka, mereka berhak meminta supaya perkongsian mereka itu dirombak dan tanah dipecah menjadi lot-lot yang berasingan untuk dipegang secara berasingan.

Akhir sekali berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin bin Yaacob. Buat masa ini Kementerian sedang mengambil tindakan bagi meminda Undang-undang Tanah supaya kawasan yang telah selesai dibicarakan oleh Jabatan Penyelesaian Tanah boleh dikeluarkan hak milik sementara (Q.T.) dan tidak lagi menunggu pengeluaran hak milik kekal (F.T.) yang disediakan oleh pihak Jabatan Ukur. Dengan kelulusan pindaan ini, masalah yang dihadapi mungkin akan kurang sedikit.

Cadangan bagi melepaskan kesemua mukim selagi ada tanah-tanah yang belum diselesaikan tidak dapat dibuat kerana tindakan mewartakan kawasan itu tidak dapat dilakukan. Kawasan ini tidak dapat ditentukan dengan khusus oleh kerana kawasan ini belum lagi disukat dengan halusny.

Sekainlah jawapan-jawapan saya atas teguran-teguran yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang terhormat yang telah memberi cadangan dan teguran yang ikhlas.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya semasa perbahasan Titah Ucapan Di Raja. Dan menurut apa yang diperbincangkan terdapat dua tiga perkara yang dibangkitkan, maka dengan ini saya meminta izin untuk menjelaskan mengenai pandangan-pandangan yang dibangkitkan itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyatakan bahawa penumpang-penumpang merasa takut hendak menaiki kepalterbang di Lapangan terbang Johor Bahru (Senai) yang

telahpun dinaikan ke taraf antarabangsa kerana kelemahan-kelemahan yang telah berlaku di lapanganterbang tersebut. Saya suka menjelaskan di sini iaitu Lapanganterbang Johor Bahru (Senai) masih belum lagi dinaikkan ke taraf antarabangsa dan kegunaan lapanganterbang itu adalah terhad kepada perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan dalam negeri sahaja yang diuruskan oleh MAS dan juga penerbangan am yang lain. Lapanganterbang ini semenjak ianya mula digunakan dalam tahun 1974 telah dilengkapi dengan beberapa kemudahan-kemudahan yang bersesuaian dengan kemudahan-kemudahan penerbangan bagi jenis-jenis pesawat kapalterbang kecil hinggalah ke pesawat B 737. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak ada menentukan butir-butir kelemahan yang didapati di Lapanganterbang Johor Bahru (Senai) itu maka sukarlah bagi saya hendak menyatakan penjelasannya yang tepat, bagaimanapun jika sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin mendapatkan penjelasan-penjelasan yang lebih lanjut eloklah Yang Berhormat dapat berhubung dengan Kementerian saya supaya Kementerian saya dapat menyiasatnya dengan seberapa segera.

Mengenai cadangan untuk menambah lagi jadual penerbangan harian dari Kuala Lumpur ke Alor Star dan sebaliknya dan juga penerbangan ekonomi Kuala Lumpur ke Pulau Pinang dan sebaliknya yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim, suka saya memaklumkan iaitu menurut kajian asas yang dibuat ke atas sektor itu didapati bahawa tambahan perkhidmatan yang ada pada masa sekarang tidak perlu dibuat hingga potensi trafik di sektor itu memerlukan

tambahan. Walau bagaimanapun, pihak MAS sekarang ini sedang mengkaji perangkaan penumpang-penumpang yang menggunakan sektor Alor Star—Kuala Lumpur dan sebaliknya. Pihak MAS memang ada menyediakan perkhidmatan tambahan kelas ekonomi malam di antara Kuala Lumpur ke Pulau Pinang dan sebaliknya pada masa-masa keperluan penumpang-penumpang meningkat iaitu seperti di dalam musim-musim perayaan.

Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim juga telah mencadangkan supaya pemeriksaan keselamatan dibuat 15—20 minit lebih awal sebelum menaiki kapalterbang untuk mengelakkan keadaan kelam-kabut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lapangan-lapanganterbang kita tidak mempunyai kemudahan-kemudahan bagi kawasan “sterile” dan dengan demikian pemeriksaan keselamatan adalah dilakukan semasa penumpang-penumpang hendak menaiki kapalterbang. Pemeriksaan keselamatan itu adalah dijalankan 15—30 minit sebelum kapalterbang itu berlepas iaitu bergantung kepada jenis kapalterbang yang dinaikinya. Sebagai misalnya penumpang-penumpang yang menaiki kapalterbang jenis B 707 diperiksa 30 minit sebelum kapalterbang itu berlepas dan masa pemeriksaan bagi penumpang yang menaiki

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok, 30hb April, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.